BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD
(Company No. 380802-T)

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT 2010

CONTENTS
KANDUNGAN

ABOUT US

WHO WE ARE

Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) is a public limited company, incorporated on 22nd March 1996 under the Malaysian Companies Act 1965 and listed on the Main Market of the Bursa Malaysia Securities Berhad on 16th April 2001.

OUR VISION

A world class LNG Port and the Port of BIMP-EAGA.

OUR BUSINESS

BHB with the principle activity as an investment holding company while it wholly owned subsidiaries, Bintulu Port Sdn. Bhd (BPSB) provides port services, develop and operate port infrastructure and facilities at Bintulu Port and Biport Bulkers Sdn. Bhd. (BBSB), operates its business as bulking installation facilities as well as storage provider for palm oil, edibles oils and its by-products.

OUR MISSION

To provide quality port services that meet customer expectations, ensure a competitive return on investment for the shareholders and benefit the stakeholders.

OUR VALUES

Integrity
We adhere to standards, regulations and conduct the business according to the highest ethics.

Innovation
We are committed in delivering effective solutions to each customer's needs and continuously adopting new technology to maintain our competitiveness.

Customer Focused
We provide safe and efficient services that meet customer's expectations.

Quality People
We are versatile personnel. We value teamwork and co-operation. We are committed to align our behavior with the organizational goals.

Recognition
We provide our personnel with challenging opportunities, emphasizing on individual initiative and creativity for career advancement.

PERIHAL KAMI

SIAPA KAMI

Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) adalah merupakan sebuah syarikat awam yang ditubuhkan pada 22 Mac 1996 di bawah Akta Syarikat 1965, Malaysia dan telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 16 April 2001.

WAWASAN KAMI

Menjadi Pelabuhan LNG bertaraf dunia dan Pelabuhan di BIMP-EAGA.

PERNIAGAAN KAMI

BHB dengan aktiviti utamanya sebagai syarikat pegangan pelaburan manakala syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya, Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) menyediakan perkhidmatan Pelabuhan, membangun dan melaksanakan infrastruktur dan fasiliti Pelabuhan yang ada di Pelabuhan Bintulu dan Biport Bulkers Sdn. Bhd. (BBSB), pula beroperasi menyediakan *bulking installation facilities* serta menyediakan penstoran bagi minyak sawit, *edible* dan produk-produknya.

MISI KAMI

Untuk memberi perkhidmatan pelabuhan yang berkualiti kepada semua pelanggan, memastikan pulangan pelaburan yang kompetitif dan memberi faedah kepada pemegang saham kami dan *stakeholders*.

NILAI-NILAI KAMI

Kewibawaan
Kami mematuhi piawaian, peraturan dan melaksanakan perniagaan mengikut etika yang tertinggi.

Inovasi
Kami berkewajipan untuk memenuhi setiap kehendak pelanggan secara terampil dan senantiasa mengguna teknologi baru dalam menghadapi persaingan.

Tumpuan Kepada Pelanggan
Kami menyediakan perkhidmatan yang selamat dan cekap yang memenuhi ekspetasi pelanggan.

Personel yang Berkualiti
Kami adalah personel yang berketerampilan. Kami menghargai kerja kumpulan dan kerjasama. Kami adalah komited untuk menyesuaikan tingkahlaku kami dengan impian organisasi.

Pengiktirafan
Kami menyediakan kerjaya yang mencabar kepada personel kami di mana pembangunan kerjaya kami dinilai dari segi daya usaha dan daya cipta individu.

NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

(Pursuant to Chapter 8, Part H, Para 8.27 (1) of the Main Market Listing Requirements)

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Fifteenth (15th) Annual General Meeting of BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD will be held at Colosseum 2, Level 2, Pullman Hotel, No.1A, Jalan Mathies, 93100 Kuching, Sarawak on **Thursday, 28th April 2011 at 11.00 am** for the following purposes:

Ordinary business

1.	To receive and adopt the Directors' Report and Audited Accounts for the year ended 31st December 2010 and the Auditors' Report thereon;	Resolution 1
2.	To approve the payment of a final single tier dividend of **7.50 sen** per share and special single tier dividend of **7.50 sen** per share in respect of the year ended 31st December 2010;	Resolution 2
3.	To approve the Directors' Fees of **RM828,354.85** for the year ended 31st December 2010;	Resolution 3
4.	To re-elect **Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim** who retires under Article 127 of the Company's Articles of Association;	Resolution 4
5.	To re-elect **Datuk Hashim bin Ismail** who retires under Article 127 of the Company's Articles of Association;	Resolution 5
6.	To re-elect **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria** who retires under Article 127 of the Company's Articles of Association;	Resolution 6
7.	To re-elect **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa** who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association;	Resolution 7
8.	To re-elect **Datuk Nasarudin bin Md. Idris** who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association;	Resolution 8
9.	To re-elect **Encik Mohammad Medan bin Abdullah** who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association;	Resolution 9
10.	To re-appoint **Messrs. Ernst & Young** as Auditors of the Company and to authorize the Directors to fix their remuneration;	Resolution 10
11.	To transact any other business for which due notice shall have been given in accordance with the Companies Act 1965.	Resolution 11

NOTICE OF BOOK CLOSURE AND DIVIDEND PAYMENT

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Register of Members of the Company will be closed on 13th May 2011 for the purpose of determining shareholders' entitlement to the dividend. The dividend, if approved by Members at the Fifteenth (15th) Annual General Meeting, will be paid on 27th May 2011.

A Depositor with Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. shall qualify for entitlement to the dividend only in respect of:

a. Shares transferred into the Depositor's securities account before 5.00 pm on 13th May 2011 in respect of ordinary transfers; and

b. Shares bought on the Bursa Malaysia Securities Berhad on a cum entitlement basis according to the rules of Bursa Malaysia Securities Berhad.

By Order of the Board,

HAJI NIK ABD RAHMAN BIN NIK ISMAIL
(LS.005892)
Company Secretary

BINTULU
6th April 2011

Notes:

Proxy

i. A member of the Company entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.

ii. The instrument appointing a proxy in the case of an individual shall be signed by the appointor or his attorney duly authorized in writing and in the case of a corporation, the instrument appointing a proxy must be under seal or under the hand of an officer or attorney duly authorized.

iii. The instrument appointing a proxy must be deposited at the Registered Office of the Company at Headquarters Building, Bintulu Port Holdings Berhad, Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Tanjung Kidurong Road, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia, not less than 48 hours before the time appointed for holding the Meeting and or any adjournment thereof.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

(Selaras dengan Chapter 8, Part H, Perenggan 8.27 (1) pada
Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama)

DENGAN INI DIBERI NOTIS bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Belas (15) BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD akan diadakan di Colosseum 2, Level 2, Pullman Hotel, No.1A, Jalan Mathies, 93100 Kuching, Sarawak pada hari **Khamis, 28 April 2011 jam 11.00 pagi** untuk tujuan-tujuan berikut:

Urusan Biasa

1.	Menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Akaun yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan Laporan Juruaudit yang dilampirkan;	Resolusi 1
2.	Meluluskan pembayaran dividen akhir sistem setingkat sebanyak **7.50 sen** sesaham dan dividen khas sistem setingkat sebanyak **7.50 sen** sesaham bagi tahun berakhir 31 Disember 2010;	Resolusi 2
3.	Meluluskan bayaran Yuran Pengarah-Pengarah sebanyak **RM828,354.85** bagi tahun berakhir 31 Disember 2010;	Resolusi 3
4.	Melantik semula **Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim** yang bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat;	Resolusi 4
5.	Melantik semula **Datuk Hashim bin Ismail** yang bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat;	Resolusi 5
6.	Melantik semula **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria** yang bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat;	Resolusi 6
7.	Melantik semula **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa** yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat;	Resolusi 7
8.	Melantik semula **Datuk Nasarudin bin Md. Idris** yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat;	Resolusi 8
9.	Melantik semula **Encik Mohammad Medan bin Abdullah** yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat;	Resolusi 9
10.	Melantik semula **Tetuan Ernst & Young** sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah-Pengarah menetapkan ganjarannya;	Resolusi 10
11.	Menjalankan sebarang urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberitahu selaras dengan Akta Syarikat 1965.	Resolusi 11

NOTIS PENUTUPAN BUKU DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

DENGAN INI NOTIS JUGA DIBERI bahawa Buku Pendaftaran Ahli-Ahli akan ditutup pada 13 Mei 2011 bagi menentukan kelayakan ahli-ahli ke atas dividen. Pembayaran dividen, jika diluluskan oleh Ahli- Ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Belas (15) akan dibayar pada 27 Mei 2011.

Pendeposit di Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. akan layak ke atas dividen ini hanya dalam keadaan berikut:

a. Saham-saham yang dipindah ke Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum 5.00 petang pada 13 Mei 2011 bagi pindahan biasa; dan

b. Saham-saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar dengan kelayakan menurut peraturan-peraturan pada Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,

HAJI NIK ABD RAHMAN BIN NIK ISMAIL
(LS.005892)
Setiausaha Syarikat

BINTULU
6 April, 2011

Nota-Nota

Proksi

i. Seorang ahli yang berhak hadir dan mengundi adalah berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi tidak semestinya ahli syarikat tersebut.

ii. Surat perlantikan proksi dari seseorang individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakilnya yang telah dilantik dengan secara bertulis, dan surat perlantikan proksi dari sesebuah perbadanan mestilah disempurnakan di bawah meteri syarikat atau ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa berbuat demikian.

iii. Borang proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar ke Pejabat Berdaftar Syarikat, Ibu Pejabat, Bintulu Port Holdings Berhad, Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia, tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu mesyuarat yang ditetapkan dan atau waktu penangguhannya.

STATEMENT ACCOMPANYING NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

(Pursuant to Chapter 8, Part H, Para 8.27 (2) of the Main Market Listing Requirements)

1. Directors who are standing for re-election at the Fifteenth (15th) Annual General Meeting of the Company

a. The Directors retiring by rotation pursuant to **Article 127** of the Company's Articles of Association and **Para 7.26** of the Main Market Listing Requirements and offered themselves for re-election are:

- **Dato Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim**
  (Independent Non-Executive Director)

- **Datuk Hashim bin Ismail**
  (Independent Non-Executive Director)

- **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria**
  (Independent Non-Executive Director)

b. The Directors retiring pursuant to **Article 132** of the Company's Articles of Association and offered themselves for re-election are:

- **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa**
  (Non Independent Non-Executive Director)

- **Datuk Nasarudin bin Md Idris**
  (Non Independent Non-Executive Director)

- **Encik Mohammad Medan bin Abdullah**
  (Non Independent Non-Executive Director)

Further details of the Directors seeking for re-election are set out in the Directors' Profiles appearing on pages 36, 38-39, 41-43 of the Annual Report.

2. Board Meetings held during the financial year ended 31st December 2010

For the financial year ended 31st December 2010, a total of eight (8) Board meetings including one (1) by way of circulation and discussion were held. The details of attendance of Board Meetings held are as follows:

No. of Meeting	Date of Meeting	Time	Place
1/2010	18 /01/10	4.30 pm	Ministry of Finance
2/2010	25/02/10	2.00 pm	Ministry of Finance
3/2010	28/04/10	9.00 am	Hilton, Kuching
4/2010	26/05/10	9.30 am	Hilton, Petaling Jaya
5/2010	28/07/2010 (By Circulation & Discussion)	-	-
6/2010	26/08/10	11.30 am	Ministry of Finance
7/2010	18/10/10	3.00 pm	Ministry of Finance
8/2010	25/11/10	8.30 am	Ministry of Finance

3. Directors' attendance in Board's Meetings

Name of Directors	No. of Meetings Attended*	Percentage of Attendance
1. **Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Abdullah**	7 / 8**	87.5%
2. **Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd Zahidi bin Zainuddin**	7 / 8	87.5%
3. **Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim**	8 / 8	100%
4. **Datuk Fong Joo Chung**	7 / 8	87.5%
5. **Datuk Hashim bin Ismail**	8 / 8	100%
6. **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria**	8 / 8	100%
7. **Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan**	8 / 8	100%
8. **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa** (Appointed as director on 28/07/2010)	3 / 3	100%
9. **Datuk Nasarudin bin Md Idris** (Appointed as director on 26/08/2010)	1 / 2	50%
10. **Encik Mohammad Medan bin Abdullah** (Appointed as director on 26/08/2010)	2 / 2	100%
11. **Encik Ahmad Nizam bin Salleh** (Director until 26/08/2010)	4 / 6	66.7%
12. **Encik Amir Hamzah bin Azizan** (Director until 26/08/2010)	4 / 6	66.7%

* **1 of 8 meetings is by way of circulation & discussion**

** **Due to unforseen circumstances, prior to the meeting the Chairman Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Abdullah had delegated to Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd Zahidi bin Zainuddin to preside the meeting.**

4. Date, Time and Place of Annual General Meeting

The Fifteenth (15th) Annual General Meeting of Bintulu Port Holdings Berhad will be held at Colosseum 2, Level 2, Pullman Hotel, No.1A, Jalan Mathies, 93100 Kuching, Sarawak on Thursday, 28th April 2011 at 11.00 am.

1. Pengarah-Pengarah yang menawarkan diri untuk perlantikan semula di Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Belas (15) Syarikat adalah seperti berikut:

a. Pengarah-Pengarah yang bersara secara giliran menurut **Artikel 127**, Tataurusan Syarikat dan **Perenggan 7.26**, Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama serta menawarkan diri untuk perlantikan semula adalah:

- **Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim**
  Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- **Datuk Hashim bin Ismail**
  Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria**
  Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

b. Pengarah-pengarah yang bersara menurut **Artikel 132**, Tataurusan Syarikat serta menawarkan diri untuk perlantikan semula adalah:

- **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa**
  Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

- **Datuk Nasarudin bin Md. Idris**
  Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

- **Encik Mohammad Medan bin Abdullah**
  Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Maklumat lanjut Pengarah-Pengarah yang menawarkan diri untuk perlantikan semula adalah seperti profil Pengarah-Pengarah yang terdapat di mukasurat 36, 38-39, 41-43 pada Laporan Tahunan ini.

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, sebanyak lapan (8) Mesyuarat Lembaga Pengarah termasuk satu (1) secara edaran dan perbincangan telah diadakan. Perincian kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Bil. Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Masa	Tempat
1/2010	18 /01/10	4.30 pm	Kementerian Kewangan Malaysia
2/2010	25/02/10	2.00 pm	Kementerian Kewangan Malaysia
3/2010	28/04/10	9.00 am	Hilton, Kuching
4/2010	26/05/10	9.30 am	Hilton, Petaling Jaya
5/2010	28/07/2010 (Secara Edaran & Perbincangan)	-	-
6/2010	26/08/10	11.30 am	Kementerian Kewangan Malaysia
7/2010	18/10/10	3.00 pm	Kementerian Kewangan Malaysia
8/2010	25/11/10	8.30 am	Kementerian Kewangan Malaysia

3. Kehadiran Pengarah-Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah

Nama Pengarah	Bil Mesyuarat yang dihadiri*	Peratusan Kehadiran
1. **Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Abdullah**	7 / 8**	87.5%
2. **Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd Zahidi bin Zainuddin**	7 / 8	87.5%
3. **Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim**	8 / 8	100%
4. **Datuk Fong Joo Chung**	7 / 8	87.5%
5. **Datuk Hashim bin Ismail**	8 / 8	100%
6. **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria**	8 / 8	100%
7. **Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan**	8 / 8	100%
8. **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa** (Dilantik sebagai Pengarah pada 28/07/2010)	3 / 3	100%
9. **Datuk Nasarudin bin Md Idris** (Dilantik sebagai Pengarah pada 26/08/2010)	1 / 2	50%
10. **Encik Mohammad Medan bin Abdullah** (Dilantik sebagai Pengarah pada 26/08/2010)	2 / 2	100%
11. **Encik Ahmad Nizam bin Salleh** (Pengarah sehingga 26/08/2010)	4 / 6	66.7%
12. **Encik Amir Hamzah bin Azizan** (Pengarah sehingga 26/08/2010)	4 / 6	66.7%

* **1 daripada 8 mesyuarat adalah secara edaran dan perbincangan**

** **Oleh sesuatu hal yang tidak dapat dielakkan, Pengerusi, Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Abdullah telah menurunkan kuasa kepada Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd Zahidi bin Zainuddin untuk mempengerusikan mesyuarat.**

4. Tarikh, Masa dan Tempat Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Belas (15) Bintulu Port Holdings Berhad akan diadakan di Colosseum 2, Level 2, Pullman Hotel, No.1A, Jalan Mathies, 93100 Kuching, Sarawak pada hari Khamis, 28 April 2011 jam 11.00 pagi.

CORPORATE STRUCTURE

BINTULU PORT HOLDINGS BHD.

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD

BINTULU PORT SDN. BHD.

BINTULU PORT SDN. BHD.
(100%)

BIPORT BULKERS SDN. BHD.

BIPORT BULKERS SDN. BHD.
(100%)

Petroliam Nasional Berhad
(32.79%)

State Financial Secretary, Sarawak
(30.68%)

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
(9.52%)

Public
(27.01%)

Note: RM1.00 Preference Share in Bintulu Port Holdings Berhad and Bintulu Port Sdn Bhd are held by Minister of Finance (Incorporated).

Nota: RM1.00 Saham Khas dalam Bintulu Port Holdings Berhad dan Bintulu Port Sdn Bhd dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan).

CORPORATE INFORMATION

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD

BOARD OF DIRECTORS
LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Chairman Pengerusi
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim
Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Fong Joo Chung
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Hashim bin Ismail
Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Mohamad Norza bin Zakaria
Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan
Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Appointed as Director on 28/07/10)
(Dilantik sebagai Pengarah pada 28/07/2010)

Datuk Nasarudin bin Md. Idris
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Appointed as Director on 26/08/10)
(Dilantik sebagai Pengarah pada 26/08/2010)

Encik Mohammad Medan bin Abdullah
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Appointed as Director on 26/08/10)
(Dilantik sebagai Pengarah pada 26/08/2010)

Encik Ahmad Nizam bin Salleh
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Director until 26/08/10)
(Pengarah sehingga 26/08/2010)

Encik Amir Hamzah bin Azizan
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Director until 26/08/10)
(Pengarah sehingga 26/08/2010)

AUDIT COMMITTEE
JAWATANKUASA AUDIT

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim
Chairman Pengerusi

Datuk Hashim bin Ismail
Member Ahli

Dato' Mohamad Norza bin Zakaria
Member Ahli

NOMINATION COMMITTEE
JAWATANKUASA PENAMAAN

Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan
Chairman Pengerusi

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin
Member Ahli

Datuk Nasarudin bin Md Idris
Member Ahli
(Appointed on 26/08/10 Dilantik pada 26/08/10)

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Member Ahli
(Member until 26/08/10 Ahli sehingga 26/08/2010)

Encik Amir Hamzah bin Azizan
Member Ahli
(Member until 26/08/10 Ahli sehingga 26/08/2010)

REMUNERATION COMMITTEE
JAWATANKUASA GANJARAN

Datuk Hashim bin Ismail
Chairman Pengerusi

Datuk Fong Joo Chung
Member Ahli

Encik Mohammad Medan bin Abdullah
Member Ahli
(Appointed on 26/08/10 Dilantik pada 26/08/10)

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Member Ahli
(Member until 26/08/10 Ahli sehingga 26/08/2010)

Encik Ahmad Nizam bin Salleh
Member Ahli
(Member until 26/08/10 Ahli sehingga 26/08/2010)

FINANCE AND RISK MANAGEMENT COMMITTEE
JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO

Encik Ahmad Nizam bin Salleh
Chairman Pengerusi
(Chairman until 26/08/10)
(Pengerusi sehingga 26/08/2010)

Datuk Nasarudin bin Md Idris
Chairman Pengerusi
(Appointed on 26/08/10 Dilantik pada 26/08/10)

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin
Member Ahli

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim
Member Ahli
(Appointed on 28/05/10 Dilantik pada 28/05/10)

Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa
Member Ahli
(Appointed on 28/07/10 Dilantik pada 28/07/10)

Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan
Member Ahli

CORPORATE INFORMATION

DEVELOPMENT COMMITTEE
JAWATANKUASA PEMBANGUNAN

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Chairman Pengerusi

*** Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin**
Member Ahli
(Representative of Sarawak State Government Wakil Kerajaan Negeri Sarawak)

*** Datuk Fong Joo Chung**
Member Ahli
(Representative of Sarawak State Government Wakil Kerajaan Negeri Sarawak)

Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa
Member Ahli

Dato' Mohamad Norza bin Zakaria
Member Ahli

***Datuk Nasarudin bin Md Idris**
Member Ahli
(Appointed on 26/08/10 Dilantik pada 26/08/2010)
(Representative of PETRONAS Wakil PETRONAS)

***Encik Mohammad Medan bin Abdullah**
Member Ahli
(Appointed on 26/08/10 Dilantik pada 26/08/2010)
(Representative of PETRONAS Wakil PETRONAS)

Dato Mior Ahmad Baiti bin Mior Lub Ahmad
Member Ahli
(Management Representative Wakil Pengurusan)

* Either one of the representative from Sarawak State Government and PETRONAS respectively must attend the meeting.

* Salah seorang wakil dari Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS masing-masingnya hendaklah menghadiri mesyuarat.

COMPANY SECRETARY
SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Nik Abd Rahman bin Nik Ismail
(LS. 005892)
Tel : 6086-251090 Fax : 6086-254062

REGISTRAR PENDAFTAR

Tricor Investor Services Sdn. Bhd.
Level 17, The Gardens North Tower,
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Email : is.enquiry@my.tricorglobal.com

PRINCIPAL BANKER BANK UTAMA

CIMB Bank Berhad

PLACE OF INCORPORATION
TEMPAT DIPERBADANKAN

Incorporated in Malaysia
Diperbadankan di Malaysia

AUDITORS JURUAUDIT

Messrs. Ernst & Young
Chartered Accountants
Akauntan Bertauliah

TELEPHONE TELEFON

086 – 291001 (30 Lines / Talian)

FAX FAKS

086-254062 / 253597 / 251578

WEBSITE LAMAN WEB

http://www.bintuluport.com.my

STOCK EXCHANGE LISTING
PENYENARAIAN DI BURSA SAHAM

Main Market, Bursa Malaysia Securities Berhad
Pasaran Utama Bursa Malaysia

REGISTERED OFFICE PEJABAT BERDAFTAR

Lot 15, Block 20, Kemena Land District
12th Mile, Tanjung Kidurong Road
97008 Bintulu, Sarawak

COMPANY NO. NO. SYARIKAT

380802-T

SUBSIDIARIES SUBSIDIARI

Bintulu Port Sdn. Bhd. (254396-V)
Biport Bulkers Sdn. Bhd. (635147-V)

OPERATIONAL & FINANCIAL HIGHLIGHTS OF THE GROUP
PETUNJUK PENTING OPERASI & KEWANGAN KUMPULAN

Turnover (RM Million)
Perolehan (RM Juta)

Profit Before Taxation (RM Million)
Keuntungan Sebelum Cukai (RM Juta)



Dividend Paid during the year (Net) (RM Million)
Dividen Dibayar pada tahun (Bersih) (RM Juta)

Dividend Rate (Gross) (Sen)
Kadar Dividen (Kasar) (Sen)



* Single Tier Dividend
* Dividen Sistem Setingkat

Earnings Per Share (Sen)
Pendapatan Se Saham (Sen)



Net Asset Per Share (RM)
Harta Bersih Se Saham (RM)



Total Shareholders' Fund (RM Million)
Dana Pemegang Saham (RM Juta)



PERFORMANCE HIGHLIGHTS
PETUNJUK OPERASI

CARGO THROUGHPUT
KENDALIAN KARGO



CONTAINER HANDLED
KENDALIAN KONTENA



VESSEL CALLS
SINGGAHAN KAPAL



SHARE PERFORMANCE
PRESTASI SAHAM



Ordinary Share of RM1.00 each	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011*
Highest Price	2.180	2.560	3.220	4.500	4.940	4.940	7.600	6.750	6.520	7.050	7.100
Lowest Price	1.680	1.970	2.100	3.020	3.760	4.460	4.680	5.000	5.200	6.150	6.500

* Based on transacted prices for the period ended 23th March 2010

* Berdasarkan harga transaksi pada 23 Mac 2010

CHAIRMAN'S STATEMENT

Dear Shareholders,

On behalf of the Board of Directors, Bintulu Port Holdings Berhad, it is my pleasure to present the Annual Report and Audited Financial Statements of the Group for the financial year ended 31st December 2010.

TAN SRI DATO SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Chairman
Non–Independent Non-Executive Director

OVERVIEW

The global economic slowdown in 2009 had an impact on trade. However, it has recovered as a result of proactive measures undertaken by the Government and the successful implementation of two Economics Stimulus Packages. It is reflected by the 9.5% expansion in Gross Domestic Product (GDP) in the first half of 2010. Hence, in 2011 the Malaysian Economy is expected to expand between 5% and 6%.

As Malaysia has transformed from an agricultural economy to among the largest exporters in the world, thus, it has triggered the Bintulu Port to be more efficient, safe and competitive in port services as well as safeguarding the environment. At the same time to realise the mission and vision of becoming a World Class LNG Port and the Port of BIMP-EAGA.

FINANCIAL HIGHLIGHTS

The Group will make every effort to retain its competitiveness and overcome current challenges. For the year under review, the Group's Total Revenue was RM454.95 million as compared to RM439.05 million in 2009, representing an increased of 3.6%. The revenue from port and bulking services has increased by RM12.2 million and RM3.7 million respectively due to increase in their throughputs.

During the financial year ended 31st December 2010, the Group's registered a Profit before Taxation amounting to RM197.81 million, an increase of 14% as compared to RM173.51 million in the year 2009. The total Shareholder's Fund as at 2010 was RM845.13 million.

CORPORATE GOVERNANCE

The Board had subscribed to the guidelines prescribed by Malaysian Code on Corporate Governance to govern its conduct. All corporate activities and business practices were carried out based on the principle of good Corporate Governance. Detailed of various compliance initiatives are set out in the Board's Statement pertaining to the Corporate Governance on pages 48 to 59 of this Annual Report.

PERFORMANCE OF SUBSIDIARIES

The overall performance of the two (2) wholly owned subsidiaries of the Group; Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) and Biport Bulkers Sdn. Bhd. (BBSB), have improved over the years.

For BPSB, the impact of the economic recovery in 2010 particularly the domestic economy has indeed contributed to the improvement of the overall performance of BPSB. The cargo throughput has increased by 5.7% from 38.4 million tons in 2009 to 40.6 million tons in 2010. Meanwhile, LNG still remains the major contributor with 57.64% of the cargo throughput followed by Containerised Cargo 10.3%.

Another wholly owned subsidiary of Bintulu Port Holdings Berhad, the BBSB specializes in providing storage and bulking services has increased its revenue by 21.7% or amounting to RM20.91 million in 2010 as compared to RM17.18 million in 2009 also due to increase in throughput.

UTILISATION OF PROCEEDS

The total fund of the Initial Public Offer (IPO) was RM200.00 million and the actual contract sum incurred to date is RM270.07 million. The excess in actual contract sum has been financed by internal generated fund. Detailed utilisation of proceeds can be referred in the Statement on Corporate Governance on page 58.

DIVIDEND

Providing with a stable and competitive return to shareholders is crucial to the Board of Directors. For the last couple of years, the Group had paid ordinary dividend ranging from 30.00 sen to 33.45 sen while the special dividend was remain at 7.50 sen each year. For 2009, the Group had paid a total dividend amount of 30.00 sen per share excluding 7.50 sen per share in the form of Special Dividend.

The Group has paid three (3) interim single tier dividends totaling 22.50 Sen per share in 2010 and the Board of Director is now recommending a final single tier dividend of 7.50 Sen per share and a special single tier dividend of 7.50 Sen per share for the year 2010. Upon approval of this Annual General Meeting, the dividend will be paid on 27 May 2011. Thus, the total dividend payout for the year under review is RM150.00 million or 37.50 Sen per share.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)

Employees of the Group have been trained in their respective areas in an effort to make them competent and reliable at workplace. A total of about RM1.5 million have been spent for training and development of human capitals and about 1233 staffs have benefited from these initiatives. Loss Time Injuries has been used as one of the Key Performance Indicators in 2010 to signify safety achievement at the workplace. The Group has also obtained a prestigious safety and environmental accreditation award from Bureau Veritas Certification (M) Sdn. Bhd.

The Group has reviewed remuneration packages of its employees consistent with market development to attract and retain talented staff. Equal opportunities have been given to all competent staff for promotion without gender bias. New recruitments were opened to all qualified candidate to serve the Company.

Throughout the year, the Group has participated in all relevant activities organized by local community. Apart from that the Group has also contributed to hospital, schools, local associations and charity bodies for last couple of years.

The Group has also regularly monitored the port environment to ascertain the impact derived from operational activities. Where applicable preventive and corrective measures taken to mitigate the impact. Specific team has been assigned to monitor and report the impact to Management for further action.

Conventional or fuel operated equipment and machineries are gradually replaced with new technology and environmental friendly systems.

Customer Satisfaction Index is another Key Performance Indicator widely practised to measure the service level of the Company as a whole. Involvement of all parties in the business spectrum is crucial in this exercise. Improvements will be instituted to close the perceived gaps and enhanced the service level consistent with the mission of the Company.

FUTURE OUTLOOK

Throughput from LNG sector and Non LNG sector of port services has contributed 57.6% and 42.4% respectively. Revenue generated from LNG sector was 78% whilst Non LNG sector has contributed 22% of the total operating revenue of the Company. The Group will reduce the dependency on LNG from current level to 60% in the next couple of years. For this purpose the Group will continue to attract traffic, enhance capacities and capabilities, improve cost and fund management and develop new businesses. At the same time the Group will also repositioning itself to serve the Sarawak Corridor of Regional Development (SCORE) in terms of provision of port services and facilities including terminal operation and management.

Specific focus will be given to development of container sector, bulk cargo and palm oil as well as oil and gas sector. Several related projects have been identified for future development such as Oil and Gas Terminal, Development of 1000 Metre General Cargo Wharf, Storage Yards and Sheds and Redevelopment of General Cargo Wharf for Container Operation.

The Group has also submitted proposal to the Government for the extension of the existing concession period, revision of Non LNG Tariff and reduction of lease rentals in order to rationalise the future development undertaken by the Company as well as to mitigate the proposed Reduction of LNG Tariff.

APPRECIATION

On behalf of the Board of Directors, I would like to take this opportunity to record my appreciation to the Management and staff for their determination and commitment in making this year a success. The Group wishes to express its utmost gratitude to the previous Directors, Encik Ahmad Nizam bin Salleh and Encik Amir Hamzah bin Azizan for their invaluable contributions. The Group would like to welcome newly appointed Directors, Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Datuk Nasarudin bin Md Idris and Encik Mohammad Medan bin Abdullah. I believe the Group will benefit from their invaluable knowledge and expertise.

I would also like to express my deepest appreciation to all our shareholders in particular the Ministry of Finance (Incorporated) being the Preference Shareholder, the PETRONAS, Sarawak State Financial Secretary, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) and stakeholders as well as the Sarawak Government, Government Authorities and agencies, customers, the shipping fraternities and the port users for their unwavering support. Last but not least, to all my fellow Directors thank you for your insightful guidance, support and cooperation.

Thank you.

TAN SRI DATO SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Chairman
Bintulu Port Holdings Berhad

Bagi pihak Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad, dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan Audit Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

ULASAN DAN PANDANGAN

Kemelesetan ekonomi global pada tahun 2009 telah memberi kesan kepada aktiviti perdagangan. Namun, ianya telah pulih hasil dari langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan dan kejayaan dari pelaksanaan dua Pakej Stimulus Ekonomi. Hal ini terbukti apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 9.5% pada awal tahun 2010. Oleh itu, pada tahun 2011, Ekonomi Malaysia dijangka meningkat di antara 5% dan 6%.

Transformasi Malaysia daripada ekonomi pertanian menjadi salah satu negara pengeksport terbesar di dunia, telah mendorong Bintulu Port untuk menjadi lebih cekap dan kompeten dalam perkhidmatan pengendalian pelabuhan serta penjagaan alam sekitar. Pada masa yang sama untuk merealisasikan misi dan visi untuk menjadi pelabuhan LNG bertaraf dunia dan Pelabuhan di BIMP-EAGA.

PETUNJUK PENTING KEWANGAN

Kumpulan akan meningkatkan segala usaha untuk mempertahankan daya saing dan mengatasi cabaran yang sedia ada. Untuk tahun yang dinilai, jumlah pendapatan Kumpulan adalah RM454.95 juta berbanding RM439.05 juta pada tahun 2009, menunjukkan kenaikan sebanyak 3.6%. Hasil pendapatan dari pelabuhan dan perkhidmatan *bulking* masing-masing telah meningkat sebanyak RM12.2 juta dan RM3.7 juta hasil daripada kenaikan kendalian kargo.

Dalam tahun yang berakhir 31 Disember 2010, Kumpulan telah mencatit Keuntungan sebelum Cukai sebanyak RM197.81 juta, meningkat 14% berbanding RM173.51 juta pada tahun 2009. Dana Pemegang Saham pada tahun 2010 adalah RM845.13 juta.

URUSTADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah telah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kod Urustadbir Korporat, Malaysia untuk mengawal perilakunya. Semua aktiviti korporat dan perniagaan yang dilakukan adalah berdasarkan prinsip urustadbir korporat yang berkesan. Butiran lanjut bagi pelbagai inisiatif pematuhan telah ditetapkan didalam Penyata Lembaga Pengarah yang berkaitan dengan Urustadbir Korporat pada halaman 60 ke 71dalam Laporan Tahunan ini.

PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI

Prestasi keseluruhan dari dua (2) anak subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Kumpulan; Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) dan Biport Bulkers Sdn. Bhd. (BBSB), telah meningkat dari tahun ke tahun.

Kesan daripada pemulihan ekonomi pada tahun 2010 khususnya ekonomi domestik, sememangnya telah menyumbang terhadap peningkatan prestasi keseluruhan BPSB. Kendalian kargo telah meningkat sebanyak 5.7% dari 38.4 juta tan pada tahun 2009 kepada 40.6 juta tan pada tahun 2010. Sementara itu, LNG masih tetap menjadi penyumbang utama dengan 57.64% dari kendalian kargo diikuti oleh 10.3% Kontena Kargo.

Sebuah lagi subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Bintulu Port Holdings Berhad, Biport Bulkers Sdn. Bhd. (BBSB) yang menyediakan pengkhususan dalam perkhidmatan pengstoran dan perkhidmatan *bulking* telah menunjukkan peningkatan dalam hasil pendapatan sebanyak 21.7% atau sebanyak RM20.91 juta pada tahun 2010 berbanding dengan RM17.18 juta pada tahun 2009 juga disebabkan dari peningkatan kendalian kargo.

PENGGUNAAN DANA TERBITAN AWAM AWAL

Dana Terbitan Awam Awal (IPO) adalah sebanyak RM200.00 juta dan jumlah kontrak yang sebenarnya adalah sebanyak RM270,07 juta. Lebihan penggunaan kos dibiayai melalui dana dalaman Syarikat. Butiran lanjut berkaitan Dana Terbitan Awam Awal boleh dirujuk dalam Penyata Berkaitan Urustadbir Korporat pada mukasurat 69 pada Laporan Tahunan ini.

DIVIDEN

Adalah amat penting bagi Lembaga Pengarah untuk menyediakan pulangan yang stabil dan kompetitif kepada para pemegang saham. Pada dua tahun terakhir, Kumpulan telah membayar Dividen Biasa dalam lingkungan 30.00 sen ke 33.45 sen sesaham manakala Dividen Khas adalah tidak berubah sebanyak 7.50sen sesaham setiap tahun. Untuk tahun 2009, Kumpulan telah membayar jumlah dividen sebanyak 30.00 sen sesaham tidak termasuk 7.50 sen sesaham dalam bentuk Dividen Khas.

Kumpulan telah membayar tiga (3) Dividen Interim Sistem Setingkat sebanyak 22.50 sen sesaham pada tahun 2010 dan pada tahun ini, Lembaga Pengarah kini telah mencadangkan Dividen Akhir Sistem Setingkat sebanyak 7.50 sen sesaham dan Dividen Khas Sistem Setingkat sebanyak 7.50 Sen sesaham. Sekiranya cadangan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan, dividen akan dibayar pada 27 Mei 2011. Dengan demikian jumlah dividen keseluruhan pada tahun yang dinilai adalah sebanyak RM150 juta atau 37.50 sen sesaham.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Pekerja Kumpulan telah dilatih dalam bidang masing-masing dalam usaha untuk meningkatkan kompetensi dan kesetiaan di tempat kerja. Sejumlah RM1.5 juta telah dibelanjakan untuk latihan dan pembangunan modal insan dan seramai 1233 orang kakitangan telah memperoleh manfaat dari inisiatif ini. Kehilangan Masa Kecederaan (LTI) telah digunakan sebagai salah satu Penunjuk Prestasi Utama pada tahun 2010 untuk menunjukkan prestasi keselamatan di tempat kerja. Kumpulan juga telah memperolehi anugerah akreditasi Keselamatan & Persekitaran yang berprestij dari Bureau Veritas Certification (M) Sdn. Bhd.

Kumpulan telah mengkaji pakej ganjaran para pekerjanya seiring dengan perkembangan pasaran untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berpotensi. Peluang yang sama telah diberikan kepada semua kakitangan yang kompeten untuk kenaikan pangkat tanpa mengira jantina. Pengambilan pekerja baru telah dibuka kepada calon yang layak untuk berkhidmat dengan Syarikat.

Sepanjang tahun, Kumpulan telah mengambil bahagian dalam semua aktiviti berkaitan yang dianjurkan oleh masyarakat tempatan. Selain itu, dalam beberapa tahun yang lepas Kumpulan juga telah memberikan sumbangan kepada hospital, sekolah, persatuan tempatan dan badan-badan amal.

Kumpulan juga memantau persekitaran pelabuhan secara berkala dan mengambil tindakan pencegahan dan pembaikan ekoran dari kegiatan operasi. Pasukan khas telah ditugaskan untuk memantau dan menyediakan laporan kepada Pengurusan untuk tindakan selanjutnya.

Peralatan kendalian konvensional atau bahan bakar dan mesin diganti secara berperingkat dengan teknologi baru dan sistem mesra alam.

Indeks Kepuasan Pelanggan merupakan Penunjuk Prestasi Utama dipraktikkan secara meluas untuk mengetahui tahap perkhidmatan Syarikat secara keseluruhan. Penglibatan semua pihak dalam spektrum perniagaan sangat penting dalam perlaksanaan ini. Pembaikan akan dilaksanakan untuk menutup jurang dan meningkatkan tahap perkhidmatan konsisten dengan misi Syarikat.

PROSPEK MASA DEPAN

Hasil kendalian perkhidmatan pelabuhan dari sektor LNG dan Bukan-LNG masing-masing telah memberikan sumbangan sebanyak 57.6% dan 42.4%. Hasil pendapatan dari sektor LNG adalah 78% manakala sektor Bukan-LNG telah memberikan sumbangan 22% dari jumlah keseluruhan pendapatan operasi Syarikat. Kumpulan akan mengurangkan pergantungan kepada LNG sebanyak 60% dari tahap sekarang dalam beberapa tahun akan datang. Jadi, Kumpulan akan terus menarik kedatangan kapal dan kargo, menambahkan keupayaan dan kemampuan, memperbaiki kos dan pengurusan dana serta mengembangkan perniagaan baru. Pada masa yang sama Kumpulan juga akan menempatkan dirinya menyumbang kepada *Sarawak Corridor of Regional Development (SCORE)* dari segi perkhidmatan pelabuhan dan kemudahan termasuk operasi terminal dan pengurusan.

Fokus khusus akan diberikan kepada pembangunan sektor kontena, kargo pukal, minyak sawit serta sektor minyak dan gas. Beberapa projek telah dikenalpasti seperti *Oil and Gas Terminal, Development of 1000 Meter General Cargo Wharf, Storage Yard and Sheds* dan *Re-development of General Cargo Wharf* untuk Operasi Kontena.

Kumpulan juga telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk perlanjutan tempoh konsesi yang sedia ada, semakan kadar Bukan-LNG serta pengurangan sewa pajakan dalam usaha merealisasikan pembangunan akan datang yang akan diambil alih oleh Syarikat serta untuk menyelesaikan cadangan pengurangan kadar LNG.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada pengurusan dan kakitangan di atas keyakinan dan komitmen mereka dalam membuat tahun ini berjaya. Kumpulan ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengarah sebelumnya, Encik Ahmad Nizam bin Salleh dan Encik Amir Hamzah bin Azizan atas sumbangan mereka yang sangat berharga. Kumpulan juga mengucapkan selamat datang kepada Pengarah yang baru dilantik, Dato 'Sri Dr Ali bin Hamsa, Datuk Nasarudin bin Md Idris dan Encik Mohamad Medan bin Abdullah . Saya percaya Kumpulan akan mendapat manfaat dari pengetahuan yang tidak dapat dinilai dan kemahiran mereka.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan saya kepada semua pemegang saham kami khususnya Kementerian Kewangan (Diperbadankan) selaku Pemegang Saham Utama, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan *stakeholders* serta Kerajaan Sarawak, Badan Kerajaan dan agensi-agensinya, pelanggan, rakan perkapalan dan pengguna pelabuhan atas sokongan padu mereka. Akhirnya dan tidak terkecuali, untuk semua rakan Pengarah saya terima kasih atas sokongan padu anda, serta bimbingan dan kerjasama.

Terima kasih.

TAN SRI DATO SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Pengerusi
Bintulu Port Holdings Berhad

STATEMENT OF CHIEF EXECUTIVE OFFICER

OPENING REMARKS

The impact of the global economic recovery on the domestic economy has indeed contributed to improve the overall performance of Bintulu Port in 2010. With the Malaysian Economy expected to expand between 5% and 6% in 2011, Bintulu Port Holdings Berhad will actively participate in this development to enhance its position in the coming year.

FINANCIAL PERFORMANCE

For the year under review, the Group recorded Total Operating Revenue of RM454.95 million, an increase of RM15.91 million as compared to RM439.05 million in 2009. This increment was mainly due to increase in cargo throughput of Bintulu Port Sdn. Bhd. such as LNG, palm oil, dry bulk cargo and container as well as cargo throughput from Biport Bulkers Sdn. Bhd. for bulking services.

The Non-Operating Revenue of the Group was RM18.58 million as compared to RM17.89 million in 2009 representing an increase of 3.9%. Thus, the Total Revenue for the year 2010 was RM473.53 million as compared to RM456.93 million in 2009.

Finally the Profit Before Taxation was RM197.81 million as compared to RM173.52 million in 2009 and the Profit After Taxation stood at RM150.34 million as compared to RM128.76 million in 2009.

OPERATIONAL PERFORMANCE

The total cargo throughput in 2010 was 40.63 million tonnes as compared to 38.44 million tonnes in 2009, higher by 2.2 million tonnes or about 5.7%.

Liquid Bulk contributed 31.17 million tonnes as compared to the previous year 30.02 million tonnes. Break Bulk Cargo contributed 5.88 million tonnes as compared to 5.47 million tonnes in 2009, while Dry Bulk Cargo handled in 2010 was 2.19 million tonnes compared to 1.84 million tonnes in 2009.

Container volume increased slightly by 1.2% from 248,390 TEUs in year 2009 to 251,296 TEUs in the year under review. LNG remained as the main cargo handled at the port, contributing 57.6% to the total cargo.

Vessel calls for 2010 increased by 1.2% to 7,601 calls as compared to 7,514 calls in 2009; with 448 LNG vessel calls and 7,153 non-LNG vessel calls.

The throughput for Biport Bulkers Sdn. Bhd (BBSB) another subsidiary of the Bintulu Port Holdings Berhad has registered an increase of 14% i.e from 1,860,891 metric tonnes in 2009 to 2,116,549 metric tonnes in the year under review due to increase in demand for RBD Olein and RBD Stearine as well as CPO from the importing countries.

PORT SAFETY

As an International Ship and Port Facility Security (ISPS) compliance port, the Company never compromise on the safety aspect of the port. All staff, port users, clients and customers are required to adhere to the security and safety policies at all times. Standard Operating Procedures, documentation systems and Emergency Response Plan have been regularly reviewed to enhance the safety standard. Safety audit on port facilities and infrastructures, vessels and operational practices have also been carried out regularly to ascertain the level of compliance.

In 2010, Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) has been conferred with the prestigious safety and environmental accredition ISO 14001, OHSAS 18001 & MS 1722 by Bureau Veritas Certification.

BUSINESS OUTLOOK

The Group will focus on its core business that is port and maritime related sectors. All resources will be geared towards the enhancement and development of the above services and capacity building will be based on market demand.

For the immediate term specific focus will be given to development of the container sector, dry bulk cargo, palm oil as well as the oil and gas sector. Several related projects have been identified such as Oil and Gas Terminal, Development of 1000 Meter General Cargo Wharf and Storage Yards and Redevelopment of General Cargo Wharf for Container Operation.

At the same time the Group will also be repositioning itself to serve the Sarawak Corridor of Regional Development (SCORE) in terms of provision of port services and facilities including terminal operation and management.

APPRECIATION

On behalf of the management, I would like to record my sincere appreciation and gratitude to all staff and my fellow management team for their hard work an enthusiasm towards the success of the Company throughout the year 2010. I would also like to express my heartfelt appreciation to the outgoing Directors Encik Ahmad Nizam bin Salleh and Encik Amir Hamzah bin Azizan and at the same time warmly welcome Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Datuk Nasarudin bin Md Idris and Encik Mohammad Medan bin Abdullah for being appointed as Directors of the Group.

Finally I would also like to express my sincere appreciation to all the Board of Directors for their invaluable advice, guidance and trust in me steering the Company, to all our customers, shareholders and stakeholders, business associates and Government Authorities for their support so far. We look forward to your continuing partnership to propel the Group forward in the future.

We in Bintulu Port will use our best efforts to enhance the Company's competitiveness and optimize our ability to become "A World Class LNG Port and the Port of BIMP-EAGA".

Thank you.

DATO MIOR AHMAD BAITI BIN MIOR LUB AHMAD
Chief Executive Officer

KATA-KATA ALUAN

Kesan pemulihan ekonomi global ke atas ekonomi domestik sememangnya menyumbang kepada peningkatan prestasi keseluruhan Pelabuhan Bintulu pada tahun 2010. Dengan keadaan Ekonomi Malaysia yang dijangka meningkat di antara 5% dan 6% pada tahun 2011, Bintulu Port Holdings Berhad akan terlibat secara aktif dalam pembangunan ini bagi meningkatkan kedudukannya pada tahun yang akan datang.

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun yang di nilai, Kumpulan telah mencatat Jumlah Pendapatan Operasi sebanyak RM454.95 juta, peningkatan sebanyak RM15.91 juta berbanding RM439.05 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan kendalian kargo Bintulu Port Sdn. Bhd seperti LNG, minyak sawit, Kargo Pukal Kering dan kontena serta kendalian kargo dari Biport Bulkers Sdn. Bhd untuk perkhidmatan *bulking*.

Hasil Bukan Operasi Kumpulan adalah sebanyak RM18.58 juta berbanding RM17.89 juta pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan sebanyak 3.9%. Dengan demikian, Jumlah Hasil untuk tahun 2010 adalah RM473.53 juta berbanding RM456.93 juta pada tahun 2009.

Akhirnya Keuntungan Sebelum Cukai adalah sebanyak RM197.81 juta berbanding RM173.52 juta pada tahun 2009 dan Keuntungan Selepas Cukai adalah sebanyak RM150.34 juta berbanding RM128.76 juta untuk tahun 2009.

PRESTASI OPERASI

Jumlah kendalian kargo pada tahun 2010 adalah 40.63 juta tan berbanding 38.44 juta tan pada tahun 2009, meningkat sebanyak 2.2 juta tan atau sekitar 5.7%.

Maklumat tambahan seperti di Nota 32 pada muka surat 218 didedahkan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad. Para pengarah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan maklumat tambahan menurut Panduan tentang Perkara Khusus No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasikan atau Tidak Direalisasikan dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("MIA Guidance") dan arahan dari Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan ini telah disediakan, dalam segala hal material, menurut MIA Guidance dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Laporan ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang saham Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Mohd. Sukarno bin Tun Sardon
No. 1697/03/11(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
28 Februari 2011

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
Pendapatan	4	454,954	439,047	159,250	220,350
Lain-lain pendapatan	5	18,577	17,878	10,216	10,413
		473,531	456,925	169,466	230,763
Kos staf	6	(59,105)	(57,110)	(761)	(639)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	12	(30,413)	(29,586)	(22)	(12)
Pelunasan aset tak ketara	14	(1,694)	(1,687)	-	-
Sewa bot		(5,483)	(5,682)	-	-
Kos pengorekan		-	(12,500)	-	-
Bahan api, elektrik dan utiliti		(16,489)	(15,282)	(2)	(2)
Insurans		(3,583)	(3,696)	(2)	-
Sewa pajak kemudahan pelabuhan		(105,417)	(113,372)	-	-
Baik pulih dan penyelenggaraan		(22,917)	(21,834)	(4)	(5)
Kos stevedor		(7,077)	(5,017)	-	-
Lain-lain perbelanjaan	7	(23,556)	(17,641)	(2,630)	(2,262)
		(275,734)	(283,407)	(3,421)	(2,920)
Keuntungan sebelum cukai		197,797	173,518	166,045	227,843
Cukai pendapatan	9	(47,471)	(44,762)	(41,355)	(57,111)
Keuntungan bersih cukai, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		150,326	128,756	124,690	170,732
Pendapatan sesaham Asas (sen)	10	37.58	32.19		

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
Aset					
Aset tak semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	12	630,609	602,516	158	180
Pelaburan dalam subsidiari	13	-	-	340,000	340,000
Aset tak ketara	14	11,698	13,392	-	-
Lain-lain penghutang	15	-	-	73,387	81,590
Aset cukai tertunda	17	776	776	-	-
		643,083	616,684	413,545	421,770
Aset semasa					
Hartanah dipegang untuk dijual	18	19,389	15,753	-	-
Penghutang perdagangan	19	24,627	39,522	-	-
Lain-lain penghutang	15	60,742	28,489	10,205	9,983
Deposit	16	252,767	303,724	119,624	136,519
Wang tunai dan baki di bank	16	20,946	9,991	76	65
		378,471	397,479	129,905	146,567
Jumlah aset		1,021,554	1,014,163	543,450	568,337
Ekuiti dan liabiliti					
Ekuiti diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat					
Modal saham	20	400,000	400,000	400,000	400,000
Premium saham		92,950	92,950	92,950	92,950
Pendapatan terkumpul	21	352,163	351,837	48,147	73,457
Jumlah ekuiti		845,113	844,787	541,097	566,407
Liabiliti tak Semasa					
Manfaat persaraan	22	39,128	38,271	-	-
Liabiliti cukai tertunda	17	24,261	17,510	-	-
		63,389	55,781	-	-
Liabiliti semasa					
Lain-lain pemiutang	23	106,692	109,459	2,194	1,355
Cukai berbayar		6,360	4,136	159	575
		113,052	113,595	2,353	1,930
Jumlah liabiliti		176,441	169,376	2,353	1,930
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,021,554	1,014,163	543,450	568,337

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA-PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Modal Saham RM'000	Premium Saham Tak Boleh Diagih RM'000	Pendapatan Terkumpul Boleh Diagih RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan					
Pada 1 Januari 2010		400,000	92,950	351,837	844,787
Keuntungan bersih cukai, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir		-	-	150,326	150,326
Dividen	11	-	-	(150,000)	(150,000)
Pada 31 Disember 2010		400,000	92,950	352,163	845,113
Pada 1 Januari 2009		400,000	92,950	388,081	881,031
Keuntungan bersih cukai, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir		-	-	128,756	128,756
Dividen	11	-	-	(165,000)	(165,000)
Pada 31 Disember 2009		400,000	92,950	351,837	844,787
Syarikat					
Pada 1 Januari 2010		400,000	92,950	73,457	566,407
Keuntungan bersih cukai, mewakili jumlah pendapatan pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir		-	-	124,690	124,690
Dividen	11	-	-	(150,000)	(150,000)
Pada 31 Disember 2010		400,000	92,950	48,147	541,097
Pada 1 Januari 2009		400,000	92,950	67,725	560,675
Keuntungan bersih cukai, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir		-	-	170,732	170,732
Dividen	11	-	-	(165,000)	(165,000)
Pada 31 Disember 2009		400,000	92,950	73,457	566,407

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
Aktiviti-aktiviti beroperasi				
Keuntungan sebelum cukai	197,797	173,518	166,045	227,843
Pelarasan untuk:				
Peruntukan bagi manfaat persaraan	4,593	5,122	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	30,413	29,586	22	12
Pelunasan aset tak ketara	1,694	1,687	-	-
Kerja dalam pelaksanaan dihapuskirakan	444	18	-	-
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(3,171)	(322)	-	-
Kerugian daripada pelupusan hartanah dipegang untuk dijual	81	30	-	-
Denda kelewatan	1,753	-	-	-
Pendapatan faedah	(13,391)	(14,913)	(10,216)	(10,413)
Pendapatan dividen kasar	-	-	(159,250)	(220,350)
Jumlah pelarasan	22,416	21,208	(169,444)	(230,751)
Keuntungan/(Kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	**220,213**	**194,726**	**(3,399)**	**(2,908)**
Perubahan dalam modal kerja :				
Hartanah dipegang untuk dijual	(4,195)	876	-	-
Penghutang	2,548	5,449	6	(10)
Faedah persaraan dibayar	(3,736)	(1,587)	-	-
Pemiutang	(18,309)	(43,565)	839	594
Jumlah perubahan dalam modal kerja	(23,692)	(38,827)	845	584
Aliran tunai daripada / (digunakan untuk) operasi	**196,521**	**155,899**	**(2,554)**	**(2,324)**
Cukai dibayar	(38,496)	(48,965)	(1,959)	(2,061)
Aliran tunai bersih daripada/ (digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi	**158,025**	**106,934**	**(4,513)**	**(4,385)**

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Aktiviti-aktiviti pelaburan				
Terimaan daripada subsidiari	-	-	7,806	(89,395)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(69,116)	(103,775)	-	(177)
Pembelian aset tak ketara	-	(82)	-	-
Faedah diterima	13,518	13,749	10,385	8,449
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	7,093	122	-	-
Hasil daripada pelupusan hartanah dipegang untuk dijual	478	110	-	-
Dividen bersih diterima	-	-	119,438	165,262
Aliran tunai bersih (digunakan untuk) / daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	**(48,027)**	**(89,876)**	**137,629**	**84,139**
Aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Pengurangan deposit dicagar sebagai sekuriti untuk fasiliti perbankan	-	2,768	-	18
Dividen dibayar	(150,000)	(165,000)	(150,000)	(165,000)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti pembiayaan	**(150,000)**	**(162,232)**	**(150,000)**	**(164,982)**
Perubahan bersih tunai dan setara tunai	(40,002)	(145,174)	(16,884)	(85,228)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari (Nota 16)	313,715	458,889	136,584	221,812
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember (Nota 16)	**273,713**	**313,715**	**119,700**	**136,584**

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

1. Maklumat Korporat

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Lot 15, Blok 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97008 Bintulu, Sarawak.

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari ialah memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak dan menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

Tiada sebarang perubahan yang signifikan berlaku pada aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun kewangan ini.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbit oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah pada 28 Februari 2011.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pada awal tahun kewangan yang dilaporkan, Syarikat telah menerima pakai FRS yang baru dan disemak semula yang wajib untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 seperti yang dijelaskan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini juga telah disediakan berasaskan kos sejarah.

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai Ringgit Malaysia dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 Perubahan-perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali yang berikut:

Pada 1 Januari 2010, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS yang baru dan disemak semula dan Tafsiran IC yang wajib untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010.

FRS 7	Instrumen kewangan : Pendedahan
FRS 8	Segmen-segmen Beroperasi
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan (Disemak semula)
FRS 123	Kos-kos Pinjaman
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian
Pindaan-Pindaan kepada FRS 1	Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan ke atas FRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Diasingkan: Kos Pelaburan Dalam Subsidiari, Entiti Kawalan Bersama atau Bersekutu
Pindaan-Pindaan kepada FRS 2	Pembayaran berasaskan Saham : Syarat-syarat Pemberian dan Pembatalan Hak
Pindaan-Pindaan kepada FRS 132	Instrumen kewangan : Pembentangan
Pindaan-Pindaan kepada FRS 139	Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Penilaian
Pindaan-Pindaan kepada FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan
Pindaan-Pindaan kepada IC Tafsiran 9	Penilaian semula Embedded Derivatives
Kemajuan kepada FRS yang dikeluarkan dalam 2009	
Tafsiran IC 9	Penilaian semula Embedded Derivatives
Tafsiran IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Rosotnilai
Tafsiran IC 11	FRS 2 - Transaksi Saham Perbendaharaan dan Kumpulan
Tafsiran IC 13	Program Kesetiaan Pelanggan
Tafsiran IC 14	FRS 119 - Had pada Aset Manfaat Tetap, Keperluan Dana Minima dan Tindakbalasnya

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Perubahan-perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

Piawaian-piawaian dan Tafsiran-tafsiran yang telah diterima pakai tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali yang berikut:

(i) FRS 7 : Instrumen Kewangan - Pendedahan

Sebelum 1 Januari 2010, informasi mengenai instrumen kewangan telah didedahkan menurut keperluan FRS 132 *Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan*. FRS 7 memperkenalkan pendedahan baru untuk memperbaiki informasi tentang instrumen kewangan. Ia memerlukan pendedahan informasi yang kualitatif dan kuantitatif tentang pendedahan risiko yang timbul daripada instrumen kewangan, termasuk pendedahan minimum ditentukan mengenai risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pasaran, termasuk analisis sensitiviti terhadap risiko pasaran.

Kumpulan dan Syarikat telah menggunapakai FRS 7 secara prospektif mengikut peruntukan peralihan. Maka, pendedahan-pendedahan baru masih belum digunakan pada angka perbandingan. Pendedahan-pendedahan baru telah diambilkira dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

(ii) FRS 8 : Segmen-segmen Beroperasi

FRS 8, yang menggantikan FRS 114 *Laporan Segmen*, menyatakan bagaimana sesebuah entiti melaporkan informasi berkaitan segmen-segmen operasinya, berdasarkan kepada informasi mengenai komponen-komponen entiti yang tersedia kepada pembuat keputusan operasi untuk tujuan pengagihan sumber-sumber kepada segmen-segmen dan menilai prestasi mereka. Piawaian ini juga menghendaki pendedahan tentang informasi berkaitan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh segmen-segmen, kawasan geografi dimana Kumpulan beroperasi, dan pendapatan daripada pelanggan-pelanggan utama Kumpulan. Kumpulan menyimpulkan bahawa pelaporan segmen beroperasi yang ditentukan mengikut FRS 8 adalah sama seperti segmen-segmen perniagaan yang telah dikenalpasti sebelum ini di bawah FRS 114. Kumpulan telah menggunapakai FRS 8 secara retrospektif. Pendedahan baru ditunjukkan di Nota 29 di dalam penyata kewangan ini.

(iii) FRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan (Disemak semula)

FRS 101 yang disemak semula memperkenalkan perubahan dalam pembentangan dan pendedahan di penyata kewangan. Piawaian yang disemak semula ini mengasingkan perubahan dalam ekuiti bagi pemilik dan bukan pemilik. Penyata perubahan dalam ekuiti hanya merangkumi butiran transaksi dengan pemilik, dimana perubahan bagi bukan pemilik dibentangkan sebagai satu barisan tunggal. Piawaian ini juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, di mana semua pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf dalam penyata pendapatan, bersama dengan butiran lain-lain pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, samada di dalam satu penyata tunggal atau dua penyata yang bersambung. Kumpulan dan Syarikat telah memutuskan untuk membentangkan penyata sebagai satu penyata tunggal.

Selain itu, penyata kedudukan kewangan diperlukan pada awal tempoh perbandingan ekoran perubahan ke atas dasar perakaunan, pembetulan kesilapan atau klasifikasi item dalam penyata kewangan.

FRS 101 yang telah disemak semula juga memerlukan Kumpulan dan Syarikat untuk membuat pendedahan baru bagi membolehkan pengguna penyata kewangan untuk menilai objektif, dasar dan proses pengurusan modal Kumpulan (lihat nota 28).

FRS 101 yang disemak semula telah diterima pakai secara retrospektif oleh Kumpulan dan Syarikat.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

(iv) FRS 139: Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Penilaian

FRS 139 menetapkan prinsip-prinsip pengiktirafan dan penilaian aset kewangan, liabiliti kewangan dan kontrak-kontrak untuk membeli dan menjual item bukan kewangan. Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS 139 secara prospektif pada 1 Januari 2010 menurut peruntukan peralihan. FRS 139 yang telah diguna pakai tidak memberi sebarang kesan yang material terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat. Butiran tentang perubahan dasar-dasar perakaunan kesan daripada terima pakai FRS 139 dibincangkan seperti berikut:

Rosotnilai penghutang perdagangan

Sebelum 1 Januari 2010, peruntukan bagi hutang ragu dikenalpasti apabila ia dianggap sebagai tidak dapat dikutip. Dengan pelaksanaan FRS 139, kerugian rosotnilai dikenalpasti apabila terdapat bukti objektif yang menyatakan bahawa kerugian rosotnilai telah berlaku. Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan penghutang dan nilai terkini anggaran aliran tunai masa hadapan dengan didiskaun pada kadar faedah efektif asal penghutang.

(v) Pindaan kepada FRS 117 Pajakan-pajakan

Sebelum 1 Januari 2010, untuk kesemua pajakan tanah dan bangunan, jika hak milik dijangkakan tidak akan bertukar kepada pemajak pada penghujung tempoh pajakan, pemajak biasanya tidak akan menerima sebahagian besar risiko dan manfaat hasil daripada pemilikan. Oleh itu, semua tanah pegangan pajak untuk kegunaan sendiri diklasifikasikan oleh Kumpulan dan Syarikat sebagai pajakan operasi dan bila perlu, bayaran minimum pajakan atau bayaran pendahuluan yang telah dibuat diperuntukkan antara elemen tanah dan bangunan secara berkadar kepada nilai saksama yang berkaitan untuk faedah pegangan pajak dalam elemen tanah dan elemen bangunan yang dipajak ketika tempoh permulaan pajakan. Bayaran pendahuluan merupakan bayaran prabayar pajakan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Pindaan kepada FRS 117 Pajakan-pajakan menerangkan bahawa pajakan tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan sepertimana pajakan pada aset-aset yang lain. Ia juga menerangkan bahawa nilai kini kepada nilai sisa hartanah yang dipajak dengan terma selama beberapa dekad adalah tidak ketara dan perakaunan untuk elemen tanah sebagai pajakan kewangan dalam keadaan demikian adalah konsisten dengan posisi ekonomi pemajak. Penerimaan FRS 117 tidak memberikan kesan yang material terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2.3 Piawaian-piawaian dan Tafsiran-tafsiran Diterbitkan tetapi Belum Efektif

Kumpulan dan Syarikat masih belum menerima pakai piawaian-piawaian dan tafsiran-tafsiran berikut yang telah diterbit tetapi belum efektif:

		Berkuatkuasa pada tempoh kewangan pada atau selepas
FRS 1	Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan	1 Julai 2010
FRS 3	Kombinasi Perniagaan (Disemak semula)	1 Julai 2010
Pindaan-pindaan kepada FRS 2	Pembayaran berasaskan Saham	1 Julai 2010
Pindaan-pindaan kepada FRS 5	Aset Tak Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan	1 Julai 2010

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.3 Piawaian-piawaian dan Tafsiran-tafsiran Diterbitkan tetapi Belum Efektif (samb.)

Pindaan-pindaan kepada FRS 127	Penyata Kewangan Disatukan dan Diasingkan	1 Julai 2010
Pindaan-pindaan kepada FRS 138	Aset Tak Ketara	1 Julai 2010
Tafsiran IC 12	Persetujuan Konsesi Perkhidmatan	1 Julai 2010
Tafsiran IC16	Hedge Terhadap Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	1 Julai 2010
Tafsiran IC 17	Pengagihan Aset Tidak Tunai kepada Para Pemilik	1 Julai 2010
Pindaan-pindaan kepada FRS 132	Klasifikasi Terbitan Hak	1 Mac 2010
Pindaan-pindaan kepada FRS 1	Pengecualian Terhad daripada Perbandingan Pendedahan FRS 7 untuk Penggunaan Kali Pertama	1 Januari 2011
Pindaan-pindaan kepada FRS 7	Pembaikan Pendedahan tentang Instrumen Kewangan	1 Januari 2011
Tafsiran IC 15	Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah	1 Januari 2012

Kecuali perubahan dalam dasar perakaunan yang timbul dari terima pakai Tafsiran IC 12, para pengarah menjangkakan bahawa penggunaan piawaian-piawaian dan tafsiran- tafsiran yang lain seperti diatas tidak akan memberi kesan yang material kepada penyata kewangan pada tempoh awal pelaksanaan. Sifat perubahan yang akan berlaku hasil daripada terima pakai dasar parakaunan Tafsiran IC 12 adalah seperti berikut:

Tafsiran IC 12: Pengaturan Konsesi Perkhidmatan

Tafsiran IC ini berkaitan dengan pengendali servis konsesi dan menerangkan bagaimana untuk mengambil kira obligasi yang diambil dan hak-hak yang diterima dalam persetujuan servis konsesi. Infrastruktur tidak boleh diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan pengendali kerana persetujuan kontrak perkhidmatan tidak memberikan hak untuk mengawal infrastruktur tersebut, contohnya infrastruktur hanya dikendalikan bagi pihak pemberi (kerajaan). Peruntukan peralihan mengecualikan pendedahan ke atas kesan yang mungkin kepada penyata kewangan ketika penerapan permulaan tafsiran tersebut.

2.4 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Syarikat dan Syarikat-syarikat subsidiarinya pada tarikh laporan. Penyata kewangan Syarikat- syarikat subsidiari yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan telah disediakan bagi tempoh perakaunan yang sama dengan Syarikat. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai kepada urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang serupa.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan daripada tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh dimana Kumpulan mempunyai kepentingan kawalan dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki antara syarikat dalam Kumpulan, urusniaga dan hasil laba atau kerugian tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Pengambilalihan subsidiari diambilkira menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan kecuali satu subsidiari yang diambilalih mengguna kaedah perakaunan penggabungan.

Mengikut kaedah perakaunan penggabungan, kos pelaburan dalam buku Syarikat direkodkan pada nilai nominal saham diterbitkan. Keputusan subsidiari yang digabung diambilkira seolah-olah penggabungan tersebut telah berlaku sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun kewangan sebelumnya. Sebarang hasil perbezaan kredit dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab yang tidak boleh diagihkan. Sebarang hasil perbezaan debit diselaraskan dengan rizab yang bersesuaian.

Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset yang diperoleh, liabiliti dan liabiliti luarjangka diandaikan pada tarikh pengambilalihan. Kos sesuatu pengambilalihan dikira sebagai aggregat nilai saksamanya, pada tarikh pertukaran, bagi aset yang diperolehkan, liabiliti yang terlibat atau diandaikan, dan instrumen ekuiti yang diterbitkan, termasuk kos-kos yang menyumbang secara langsung kepada pengambilalihan tersebut.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Asas penyatuan (samb.)

Sebarang lebihan daripada kos pengambilalihan atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luarjangka mewakili muhibah.

Sebarang lebihan terhadap kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luarjangka atas kos pengambilalihan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

2.5 Aset tak ketara

(i) Hak untuk operasi

Hak untuk operasi adalah berkaitan dengan lebihan harga belian perniagaan oleh Syarikat subsidiarinya daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu ke atas aset bersih yang diambilalih berdasar pada Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan subsidiari Syarikat.

Di bawah terma Perjanjian Penswastaan tersebut, subsidiari telah diberi lesen untuk memberi perkhidmatan pelabuhan sehingga tamat tempoh sewa pajak dalam tahun 2022.

Hak untuk operasi mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan dinyata pada kos ditolak pelunasan dan kemerosotan nilai. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 2.9.

Hak untuk operasi dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama dua puluh lima tahun.

(ii) Perisian

Perisian yang diperoleh secara berasingan dinilai pada pengiktirafan permulaan atas kos. Perisian mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan dinyata pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kemerosotan nilai. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 2.9.

Perisian dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama sepuluh tahun.

2.6 Pelaburan dalam subsidiari

Pelaburan Syarikat dalam Syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian kemerosotan nilai dinyatakan dalam Nota 2.9.

Semasa penjualan pelaburan berkenaan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada penjualan dan nilai bawaan dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

2.7 Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan pada permulaannya direkodkan pada kos. Kos-kos berikutnya adalah dimasuk dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana bersesuaian, hanya bila terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset tersebut akan membawa sumbangan kepada Kumpulan dan Syarikat dan kos aset tersebut boleh dinilai sewajarnya. Amaun bawaan untuk bahagian yang diganti tidak diiktirafkan. Semua kos berkaitan pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan apabila berlaku.

Berikutan kepada pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan. Lain-lain hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaannya pada kadar tahunan berikut:

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.7 Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai (samb.)

Bangunan dan kemudahan bulking	4%
Loji dan peralatan	10% - 20%
Kenderaan bermotor	10% - 20%
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	10% - 13%
Kapal	5% - 7%

Bangunan-bangunan dan struktur-struktur pelabuhan disusutnilai sepanjang jangka masa pajakan yang akan tamat dalam tahun 2022.

Nilai bawaan hartanah, loji dan peralatan telah dikaji untuk rosot nilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan tidak dapat diperolehi kembali.

Nilai sisa, kegunaan jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan mengikut kesesuaian.

Hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf sebagai aset semasa pelupusan atau apabila tidak terdapat lagi manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan tersebut. Keuntungan atau kerugian dari penamatan pengiktirafan aset telah dimasukkan dalam penyata pendapatan pada tahun aset tersebut tidak lagi diiktiraf.

2.8 Hartanah dipegang untuk dijual

Hartanah dipegang untuk dijual dinyatakan pada kos dan nilai bersih terrealis yang mana rendah. Kos hartanah dipegang untuk dijual merangkumi perbelanjaan untuk memperolehi tanah, kos langsung dan pengagihan bersesuaian kos-kos bersama yang berkaitan untuk memajukan hartanah sehingga penyiapannya.

Sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan hartanah dipegang untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ianya berlaku.

2.9 Rosotnilai aset bukan kewangan

Kumpulan dan Syarikat menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa aset akan dirosotnilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, atau apabila penilaian rosotnilai aset diperlukan, Kumpulan dan Syarikat akan membuat anggaran 'Asset recoverable amount'.

Bagi aset tak ketara yang mempunyai kegunaan hayat yang tidak tetap dan aset tak ketara yang belum dapat digunakan, 'recoverable amount' dianggar pada setiap tarikh lembaran imbangan atau lebih kerap apabila petunjuk rosotnilai dapat dikenalpasti.

Bagi tujuan pengujian rosotnilai aset-aset tersebut, 'recoverable amount' ditentukan berdasarkan kepada aset individu melainkan terdapat aset yang tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset lain. Sekiranya terdapat perkara sebegini, 'recoverable amount' ditentukan bagi unit janaan tunai (UJT) di mana aset tergolong.

'Asset recoverable amount' adalah nilai aset atau nilai saksama unit janaan tunai (UJT) tolak kos jualan yang mana tinggi dan nilai dalam penggunaan. Dalam menaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaun kepada nilai kini mengguna kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko spesifik kepada aset. Sekiranya amaun bawaan sesuatu aset melebihi 'recoverable amount', aset tersebut dianggap rosot dan diturunkan nilai kepada 'recoverable amount'. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf mengenai sesuatu UJT atau kumpulan UJT adalah diagihkan terlebih dahulu bagi mengurangkan nilai bawaan muhibah yang diagihkan kepada unit atau kumpulan unit dan kemudian, mengurangkan nilai bawaan aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit tersebut secara sama rata.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.9 Rosotnilai aset bukan kewangan (samb.)

Kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset-aset yang sebelum ini telah dinilai semula di mana penilaian tersebut telah diambil ke dalam pendapatan komprehensif yang lain. Dalam kes ini, rosotnilai itu juga akan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain hingga ke jumlah penilaian semula sebelum ini.

Kerugian rosotnilai bagi sesuatu aset dibalik semula jika, dan hanya sekiranya, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan 'asset recoverable amount' sejak kerugian rosotnilai terakhir diiktirafkan. Amaun bawaan aset akan dinaikkan kepada 'recoverable amount' yang disemak semula, melainkan amaun tersebut tidak melebihi amaun bawaan yang boleh ditentukan (pelunasan bersih atau susutnilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai telah diiktirafkan bagi aset tersebut dalam tahun-tahun sebelumnya. Pembalikkan kerugian rosotnilai sesuatu aset diambilkira dalam penyata pendapatan.

2.10 Aset kewangan

Pengiktirafan permulaan

Aset kewangan dalam skop FRS 139 adalah diklasifikasikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang sehingga matang, aset kewangan sedia untuk dijual atau sebagai derivatif yang digunakan sebagai 'hedging instruments' dalam 'effective hedge', mengikut kesesuaian. Kumpulan dan Syarikat menentukan klasifikasi aset kewangannya pada pengiktirafan permulaan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada mulanya, ianya dikira pada nilai saksama, dan di dalam situasi aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi akan terus diagihkan kepada perolehan aset kewangan tersebut.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran (pembelian secara tetap) adalah diiktiraf pada tarikh dagangan. Contohnya tarikh Kumpulan atau Syarikat melakukan pembelian atau penjualan aset.

Aset kewangan Kumpulan dan Syarikat merangkumi tunai dan setara tunai dan penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Semua aset kewangan Kumpulan atau Syarikat diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang.

Pengukuran berikutnya

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ianya dipegang untuk diniagakan atau telah dianggap sedemikian di awal pengiktirafan. Aset kewangan yang dipegang untuk diniagakan adalah derivatif (termasuk 'embedded derivatives' yang diasingkan) atau aset kewangan yang diperolehi pada dasarnya untuk dijual pada masa yang terdekat.

Berikutan kepada pengiktirafan permulaan, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah dikira pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan atau kerugian bersih pada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan tukaran wang asing, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan tukaran wang asing, faedah dan pendapatan dividen pada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf secara berasingan dalam penyata pendapatan atau sebahagian daripada kerugian atau pendapatan yang lain.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dibentangkan sebagai aset semasa atau tak semasa. Aset kewangan yang dipegang khususnya untuk tujuan diniagakan dibentangkan sebagai aset semasa manakala aset kewangan yang dipegang khususnya bukan untuk tujuan perniagaan dibentangkan sebagai aset semasa atau aset tak semasa pada tarikh penyelesaian.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.10 Aset kewangan (samb.)

Pengukuran berikutnya (samb.)

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (samb.)

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai sebarang aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada tahun berakhir 31 Disember 2010.

Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang bukan disenaraikan dalam pasaran yang aktif adalah diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang.

Berikutan kepada pengiktirafan permulaan, pinjaman dan penghutang dikira pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila pinjaman dan penghutang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan penghutang diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali yang mana mempunyai tarikh matang yang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai tak semasa.

Pelaburan dipegang sehingga matang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan dan waktu matang yang tetap diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tujuan yang positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut sehingga matang.

Berikutan kepada pengiktirafan permulaan, pelaburan dipegang sehingga matang diukur pada kos pelunasan dengan meggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila pelaburan yang dipegang sehingga matang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan dipegang sehingga matang diklasifikasikan sebagai aset tak semasa, kecuali yang mana mempunyai tarikh matang dalam 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai semasa.

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai sebarang pelaburan dipegang sehingga matang bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

Aset kewangan sedia untuk dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang dianggap tersedia untuk dijual dan tidak diklasifikasikan dalam sebarang tiga kategori yang terdahulu.

Selepas pengiktirafan permulaan, aset sedia untuk dijual adalah diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan dan kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan sebagai penyesuaian klasifikasi apabila aset tersebut tidak diiktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam penyata pendapatan. Dividen atas instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah ditetapkan .

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan betul adalah diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.10 Aset kewangan (samb.)

Aset kewangan sedia untuk dijual (samb.)

Aset kewangan sedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai aset tak semasa, kecuali yang mana dijangka akan direalisasikan dalam 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan tidak diiktiraf dimana hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput. Untuk penamatan pengiktirafan secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Cara biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian yang memerlukan penghantaran aset dalam tempoh yang biasanya ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran yang berkenaan. Semua cara pembelian dan penjualan biasa bagi aset kewangan adalah diiktiraf dan tidak diiktiraf pada tarikh perdagangan. Contohnya tarikh Kumpulan atau Syarikat melakukan pembelian atau penjualan aset.

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai sebarang aset kewangan sedia untuk dijual bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

2.11 Rosotnilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah dirosotnilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan dianggap akan dirosotnilai jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif mengenai rosotnilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan permulaan sesuatu aset (peristiwa kerugiaan yang timbul) dan peristiwa kerugian tersebut memberikan kesan terhadap anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan wajarnya. Bukti rosotnilai termasuklah petunjuk bahawa penghutang atau kumpulan penghutang mengalami kesulitan kewangan yang ketara, kegagalan dalam pembayaran faedah atau prinsipal, kemungkinan muflis atau pengorganisasian semula kewangan lain dan dimana data yang diperhatikan menunjukkan penurunan dalam anggaran aliran tunai masa hadapan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubungkait dengan kegagalan.

2.12 Liabiliti Kewangan

Pengiktirafan permulaan

Liabiliti kewangan dalam skop FRS 139 diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman atau derivatif yang digunakan sebagai 'hedging instruments' dalam 'hedge' yang berkesan, yang bersesuaian. Kumpulan dan Syarikat menentukan klasifikasi liabiliti kewangannya semasa pengiktirafan permulaan.

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan dalam kes pinjaman, kos transaksi yang timbul secara langsung.

Liabiliti kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah termasuk pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang. Semua liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat diklasifikasikan sebagai pinjaman.

Pengukuran berikutnya

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.12 Liabiliti Kewangan (samb.)

Pengukuran berikutnya (samb.)

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (samb.)

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan jika ianya diperolehi untuk tujuan dijual dalam jangka pendek. Kategori ini termasuk instrumen kewangan derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Syarikat yang tidak memenuhi kriteria 'hedge accounting' seperti yang ditakrifkan oleh FRS 139.

Keuntungan atau kerugian atas liabiliti yang dipegang untuk diperdagangkan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Pinjaman

Pinjaman adalah diiktiraf awalnya pada nilai saksama, ditolak kos transaksi yang ditanggung, dan selanjutnya diukur pada kos yang dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan dan Syarikat mempunyai hak tidak bersyarat untuk menangguhkan pembayaran liabiliti kepada sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Untuk liabiliti kewangan yang lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

2.13 Sewa pajak operasi

Sewa pajak aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan ditanggung oleh pemilik aset dikelaskan sebagai sewa pajak operasi. Bayaran yang dibuat bagi sewa pajak operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka pajakan.

2.14 Cukai pendapatan

(i) Cukai Semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa adalah diukur pada jumlah yang dijangka dapat dikutip daripada atau dibayar kepada penguatkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang percukaian yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang dikuatkuasa ataupun telah dikuatkuasa sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan mengguna kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawaan dalam penyata kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara deduktible, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan setakat mana kemungkinan terdapat keuntungan bercukai untuk digunakan atas perbezaan sementara deduktible, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan boleh digunapakai. Cukai tertunda tidak diiktirafkan jika perbezaan sementara timbul dari muhibah ataupun muhibah negatif atau dari pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti di dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan bercukai.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.14 Cukai pendapatan (samb.)

(ii) Cukai Tertunda (samb.)

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan diguna dalam tempoh mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasar pada kadar cukai yang diaktakan atau hampir diaktakan pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan diambilkira dalam penyata pendapatan bagi tempoh yang dinyatakan, kecuali jika ianya timbul daripada transaksi yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dan dalam kes tersebut, cukai tertunda juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diimbangi, jika wujudnya penguatkuasaan undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti kena cukai yang sama dan penguatkuasa cukai yang sama.

2.15 Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan telah diberi oleh para pekerja. Gantirugi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti bayaran cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh para pekerja akan menambah kelayakannya ke atas gantirugi ketidakhadiran masa hadapan dan gantirugi ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Skim Sumbangan Tetap

Skim sumbangan tetap adalah pelan manfaat persaraan dimana Kumpulan membayar sumbangan tetap ke dalam dana berasingan yang tidak mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif untuk membayar sumbangan-sumbangan selebihnya sekiranya dana tidak mencukupi untuk membayar kesemua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan tahun kewangan sebelumnya. Sumbangan ini diambilkira sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian apabila ianya berlaku. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia memberi sumbangan kepada skim persaraan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

(iii) Manfaat Persaraan - Pelan Manfaat Tetap

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan tidak berdana untuk pekerjanya. Manfaat tersebut dibayar berdasar pada gaji akhir yang diterima oleh pekerja dan bilangan tahun perkhidmatan dengan Kumpulan.

Di bawah Skim ini, peruntukan kos manfaat persaraan dibuat dalam lembaran imbangan Kumpulan berdasarkan penilaian aktuari sekali setiap tiga tahun dengan mengguna kaedah unit kredit unjuran. Mengikut kaedah ini, peruntukan kos manfaat persaraan dicaj kepada penyata pendapatan. Tanggungan ini dikira pada nilai terkini anggaran pengaliran keluar tunai masa depan mengguna pulangan pada tarikh lembaran imbangan sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menghampiri terma tanggungan Kumpulan.

Laba dan kerugian aktuari berlaku disebabkan perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan diantara andaian aktuari dengan kejadian sebenar. Laba dan kerugian berkenaan dikredit atau dicaj kepada keuntungan atau kerugian ke atas tempoh baki purata hayat perkhidmatan dijangka bagi seseorang pekerja yang menyertai pelan tersebut.

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.16 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Kumpulan dan amaun pendapatan tersebut boleh dianggarkan dengan munasabah.

(i) Pendapatan daripada operasi pelabuhan

Pendapatan daripada operasi pelabuhan diiktiraf setelah ditolak rebet berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(ii) Pendapatan daripada kemudahan bulking

Pendapatan daripada kemudahan bulking diiktiraf setelah ditolak diskaun berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(iii) Faedah pendapatan

Pendapatan faedah diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menunjukkan pulangan efektif aset tersebut.

(iv) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

2.17 Peruntukan liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa akibat daripada kejadian lampau dan kemungkinan penggunaan sumber yang mempunyai manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut, dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan diteliti semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menggambar anggaran semasa yang terbaik.

2.18 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai adalah termasuk tunai dan baki tunai di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko tidak ketara akibat perubahan nilai.

2.19 Instrumen Ekuiti

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan sisa faedah dalam aset Syarikat selepas ditolak semua liabilitinya. Saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa direkodkan pada hasil yang diterima, ditolak peningkatan kos transaksi yang terlibat secara langsung. Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf di ekuiti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

3. Anggaran dan anggapan perakaunan penting

3.1 Sumber-sumber utama anggaran yang ketidaktentuan

Andaian-andaian utama berkaitan masa depan dan lain-lain sumber utama anggaran yang ketidaktentuan pada tarikh lembaran imbangan, yang mempunyai risiko penting untuk mengakibatkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dibincangkan di bawah:

(i) Penilaian rosotnilai hartanah, loji dan peralatan berkaitan aset-aset bulking

Pada 31 Disember 2010, amaun bawaan hartanah, loji dan peralatan berkaitan dengan kemudahan bulking ("aset-aset bulking") adalah RM107,865,439 (2009: RM97,380,773). Kumpulan memastikan samada terdapat kemerosotan nilai pada amaun bawaan aset bulking sekurang-kurangnya setiap tahun. Kumpulan menjalankan ujian rosotnilai berdasar pada nilai penggunaan aset bulking tersebut. Dalam membuat anggaran nilai penggunaan, Kumpulan perlu membuat anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka daripada aset bulking dan juga untuk memilih kadar diskaun yang berpatutan untuk mengira nilai terkini aliran tunai tersebut.

Unjuran aliran tunai masa depan sepertimana digunakan oleh Kumpulan dalam analisanya termasuk andaian yang signifikan berkaitan pertumbuhan kendalian kargo. Dalam keadaan dimana Kumpulan tidak dapat mencapai unjuran pertumbuhan kendalian kargo, aliran tunai masa depan akan terjejas dan memungkinkan peruntukan rosotnilai diiktiraf pada amaun bawaan aset bulking tersebut.

(ii) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kerugian cukai belum digunapakai dan elaun modal belum diserap setakat mana kemungkinan terdapat keuntungan bercukai boleh digunakan ke atas kerugian dan elaun modal tersebut. Penilaian yang teliti perlu dibuat oleh pengurusan untuk memastikan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasar pada penentuan pemasaan dan tahap keuntungan bercukai masa depan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan. Kerugian cukai yang belum digunapakai bagi Kumpulan pada tarikh lembaran imbangan adalah RM Tiada (2009: RM130,964) dan elaun modal belum diserap pada tarikh lembaran imbangan adalah RM Tiada (2009: RM430,796). Elaun cukai pelaburan belum digunapakai bagi Kumpulan pada tarikh lembaran imbangan adalah RM95,549,316 (2009: RM99,475,500).

(iii) Hartanah dipegang untuk jualan

Seperti dinyatakan dalam Nota 18, hartanah dipegang untuk jualan adalah berkaitan dengan rumah-rumah yang dibeli oleh subsidiari berhubung dengan projek perumahan subsidiari di Bintulu. Suratan hak milik ke atas harta berkenaan masih belum dipindahmilik kepada Syarikat subsidiari. Pengurusan beranggapan bahawa hak milik akan dipindahmilik kepada Syarikat subsidiari.

4. Pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pendapatan daripada perkhidmatan pelabuhan	434,044	421,862	-	-
Pendapatan daripada perkhidmatan bulking	20,910	17,185	-	-
Pendapatan dividen daripada subsidiari	-	-	159,250	220,350
	454,954	439,047	159,250	220,350

5. Lain-lain pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pendapatan faedah	13,391	14,913	10,216	10,413
Sewa diterima	531	2,106	-	-
Keuntungan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan	3,171	322	-	-
Lain-lain	1,484	537	-	-
	18,577	17,878	10,216	10,413

6. Kos staf

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Upah, gaji, elaun dan bonus	41,643	40,090	607	534
Manfaat Tetap Skim Manfaat Persaraan (Nota 22)	4,593	5,122	-	-
Skim sumbangan tetap (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	4,712	4,533	64	52
Lain-lain manfaat pekerja	8,157	7,365	90	53
	59,105	57,110	761	639

Butir-butir kos persaraan Skim Manfaat Persaraan Kumpulan ada terkandung dalam Nota 22.

7. Lain-lain perbelanjaan

Termasuk dalam lain-lain perbelanjaan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Ganjaran juruaudit				
- tahun semasa	168	151	60	55
- lebih peruntukan dalam tahun lepas	-	(10)	-	(3)
Ganjaran pengarah bukan eksekutif				
- yuran	1,092	1,002	828	792
- lain-lain emolumen	157	146	117	121
Sewa peralatan	836	1,052	54	53
Sewa kenderaan	-	-	-	13
Sewa ruang pejabat	587	545	37	37
Kerugian daripada penjualan hartanah dipegang untuk jualan	81	30	-	-
Denda kelewatan	1,753	-	-	-
Kerja dalam pelaksanaan dihapuskirakan	444	18	-	-

8. Ganjaran - pengurusan utama

(a) Pampasan untuk kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama adalah seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti sesebuah entiti samada secara langsung atau tidak langsung, termasuk para pengarah entiti tersebut.

Ganjaran para pengarah dan pengurusan utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Ganjaran dan manfaat	1,912	1,835	1,005	980
Manfaat Tetap persaraan:				
Skim sumbangan tetap	113	116	-	-
	2,025	1,951	1,005	980

(b) Ganjaran pengarah

Jumlah agregat emolumen diterima dan belum terima oleh para pengarah Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan adalah seperti berikut :

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pengarah bukan eksekutif				
- yuran				
- tahun semasa	1,092	1,002	828	792
- elaun mesyuarat	157	146	117	121
- manfaat barangan	-	7	-	7
	1,249	1,155	945	920
Analisa tidak termasuk manfaat barangan:				
Jumlah ganjaran pengarah bukan eksekutif tidak termasuk manfaat barangan	1,249	1,148	945	913

Bilangan para pengarah Syarikat yang mana jumlah ganjaran dalam tahun kewangan tergolong dalam julat berikut adalah seperti di bawah:

	Bilangan Pengarah	
	2010	2009
Pengarah bukan eksekutif:		
Di bawah RM50,000	3	1
RM50,001 - RM100,000	3	4
RM100,001-RM150,000	4	4
RM150,001-RM200,000	2	2

9. Cukai pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Cukai pendapatan				
Tahun semasa	42,631	44,533	41,713	57,111
Lebih peruntukan dalam tahun-tahun lepas	(1,911)	(781)	(358)	-
	40,720	43,752	41,355	57,111
Cukai tertunda (Nota 17)				
Berkaitan dengan perbezaan sementara asal dan dibalik semula	6,764	1,703	-	-
Lebih peruntukan dalam tahun lepas	(13)	(693)	-	-
	6,751	1,010	-	-
	47,471	44,762	41,355	57,111

Cukai pendapatan dikira mengikut kadar cukai berkanun di Malaysia pada 25% (2009: 25%) daripada anggaran pendapatan bercukai untuk tahun semasa.

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dengan produk keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai korporat bagi tahun-tahun berakhir 31 Disember 2010 dan 2009 adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	197,797	173,518	166,045	227,843
Cukai dikira mengikut kadar cukai Malaysia pada 25% (2009: 25%)	49,449	43,378	41,512	56,961
Pelarasan:				
Perbelanjaan tidak deduktible	1,068	2,674	201	150
Penggunaan kerugian cukai belum diiktiraf, elaun modal belum diserap dan elaun cukai pelaburan belum digunapakai terdahulu	(1,122)	-	-	-
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	-	184	-	-
Lebih peruntukan cukai pendapatan dalam tahun-tahun lepas	(1,911)	(781)	(358)	-
Lebih peruntukan liabiliti cukai tertunda dalam tahun-tahun lepas	(13)	(693)	-	-
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun	47,471	44,762	41,355	57,111

10. Pendapatan Sesaham

(a) Asas

Pendapatan sesaham asas Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bagi tahun dengan bilangan saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

	Kumpulan	
	2010	**2009**
Keuntungan bersih cukai (RM'000)	150,326	128,756
Bilangan saham biasa yang diterbitkan ('000)	400,000	400,000
Pendapatan asas sesaham (sen)	37.58	32.19

(b) Kecairan

Tidak terdapat kecairan dalam pendapatan sesaham.

11. Dividen

	Dividen berhubung tahun		Dividen diiktiraf dalam tahun	
	2010 RM'000	**2009 RM'000**	**2010 RM'000**	**2009 RM'000**
Diiktiraf pada tahun:				
Dividen akhir setingkat bagi 2008				
- 11.25 sen sesaham	-	-	-	45,000
Dividen khas setingkat bagi 2008				
- 7.50 sen sesaham	-	-	-	30,000
Dividen interim setingkat bagi 2009				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
Dividen akhir setingkat bagi 2009				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	30,000	-
Dividen khas setingkat bagi 2009				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	30,000	-
Dividen interim setingkat bagi 2010				
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
	90,000	150,000	150,000	165,000

Para pengarah mencadang pembayaran dividen akhir setingkat sebanyak 7.50 sen sesaham dan dividen khas setingkat sebanyak 7.50 sen sesaham ke atas 400,000,000 saham biasa, yang berjumlah RM30,000,000 dan RM30,000,000 masing-masingnya dimana, jika dilulus oleh ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, akan dibayar pada 27 Mei 2011 kepada para pemegang saham yang berdaftar sebagai ahli pada penutupan perniagaan pada 13 Mei 2011. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak menggambarkan dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut, jika dipersetujui oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti sebagai agihan ke atas keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

12. Hartanah, loji dan peralatan

2010 Kumpulan	Bangunan RM'000	Struktur pelabuhan RM'000	Kemudahan bulking RM'000	Loji dan peralatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat RM'000	Kapal RM'000	Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos									
Pada 1 Januari 2010	72,848	250,319	84,059	159,876	6,159	19,230	134,179	163,419	890,089
Tambahan	-	422	-	7,008	205	442	-	75,794	83,871
Pelupusan	(7,117)	-	-	(2,737)	(72)	-	-	-	(9,926)
Pindahan	61,418	112,899	28,151	2,392	-	317	-	(205,177)	-
Klasifikasi semula	-	-	-	-	-	-	-	(20,033)	(20,033)
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-	(444)	(444)
Pada 31 Disember 2010	127,149	363,640	112,210	166,539	6,292	19,989	134,179	13,559	943,557
Susutnilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2010	23,643	100,312	12,854	88,917	3,260	13,032	45,555	-	287,573
Caj bagi tahun kewangan	3,329	10,759	3,457	8,153	343	1,008	3,364	-	30,413
Pelupusan	(3,195)	-	-	(1,771)	(72)	-	-	-	(5,038)
Pada 31 Disember 2010	23,777	111,071	16,311	95,299	3,531	14,040	48,919	-	312,948
Amaun bawaan bersih									
Pada 31 Disember 2010	103,372	252,569	95,899	71,240	2,761	5,949	85,260	13,559	630,609

12. Hartanah, loji dan peralatan (samb.)

2009 Kumpulan	Bangunan RM'000	Struktur pelabuhan RM'000	Kemudahan bulking RM'000	Loji dan peralatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat RM'000	Kapal RM'000	Kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos									
Pada 1 Januari 2009	72,848	244,933	84,059	153,069	6,397	19,075	135,345	65,735	781,461
Tambahan	-	610	-	1,384	295	486	-	113,468	116,243
Pelupusan	-	-	-	(5,382)	(533)	(516)	(1,166)	-	(7,597)
Pindahan	-	4,776	-	10,805	-	185	-	(15,766)	-
Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-	(18)	(18)
Pada 31 Disember 2009	72,848	250,319	84,059	159,876	6,159	19,230	134,179	163,419	890,089
Susutnilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2009	20,025	89,837	9,478	86,944	3,400	12,490	43,255	-	265,429
Caj bagi tahun kewangan	3,618	10,475	3,376	7,354	341	1,058	3,364	-	29,586
Pelupusan	-	-	-	(5,381)	(481)	(516)	(1,064)	-	(7,442)
Pada 31 Disember 2009	23,643	100,312	12,854	88,917	3,260	13,032	45,555	-	287,573
Amaun bawaan bersih									
Pada 31 Disember 2009	49,205	150,007	71,205	70,959	2,899	6,198	88,624	163,419	602,516

12. Hartanah, loji dan peralatan (samb.)

Bangunan-bangunan dan struktur-struktur pelabuhan Kumpulan didirikan di atas tanah yang dipajak daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu. Pajakan ini akan luput pada tahun 2022.

Syarikat	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot kelengkapan dan peralatan pejabat RM'000	Jumlah RM'000
2010			
Kos			
Pada 1 Januari 2010/ Pada 31 Disember 2010	177	20	197
Susutnilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2010	10	7	17
Caj bagi tahun kewangan	20	2	22
Pada 31 Disember 2010	30	9	39
Amaun bawaan bersih			
Pada 31 Disember 2010	147	11	158
2009			
Kos			
Pada 1 Januari 2009	-	20	20
Tambahan	177	-	177
Pada 31 Disember 2009	177	20	197
Susutnilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2009	-	5	5
Caj bagi tahun kewangan	10	2	12
Pada 31 Disember 2009	10	7	17
Amaun bawaan bersih			
Pada 31 Disember 2009	167	13	180

Hartanah, loji dan peralatan diperolehi dengan cara:

	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
Tunai	69,116	103,775	-	177
Berbayar	14,755	12,468	-	-
	83,871	116,243	-	177

13. Pelaburan dalam subsidiari

	Syarikat 2010 RM'000	Syarikat 2009 RM'000
Saham tidak disebut, pada kos	340,000	340,000

Butir syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Faedah ekuiti efektif 2010 %	Faedah ekuiti efektif 2009 %	Aktiviti-aktiviti utama
Bintulu Port Sdn. Bhd.	100	100	Memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak.
Biport Bulkers Sdn. Bhd.	100	100	Menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

14. Aset tak ketara

	Hak untuk beroperasi RM'000	Perisian RM'000	Jumlah RM'000
2010			
Kos			
Pada 1 Januari 2010/ Pada 31 Disember 2010	24,531	7,132	31,663
Pelunasan terkumpul			
Pada 1 Januari 2010	16,680	1,591	18,271
Caj bagi tahun kewangan	981	713	1,694
Pada 31 Disember 2010	17,661	2,304	19,965
Amaun bawaan bersih	6,870	4,828	11,698
Kos			
Pada 1 Januari 2009	24,531	7,050	31,581
Tambahan	-	82	82
Pada 31 Disember 2009	24,531	7,132	31,663
Pelunasan terkumpul			
Pada 1 Januari 2009	15,699	885	16,584
Caj bagi tahun kewangan	981	706	1,687
Pada 31 Disember 2009	16,680	1,591	18,271
Amaun bawaan bersih	7,851	5,541	13,392

14. Aset tak ketara (samb.)

Hak untuk operasi adalah lebihan amaun yang dibayar bagi pembelian perniagaan oleh Syarikat subsidiarinya, Bintulu Port Sdn. Bhd., daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu ke nilai aset bersih yang diambilalih berdasar pada Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Bintulu Port Sdn. Bhd.. Di bawah terma Perjanjian Penswastaan tersebut, Bintulu Port Sdn. Bhd. telah diberi lesen untuk memberi perkhidmatan pelabuhan bagi tempoh sewa pajakan yang mana akan luput dalam tahun 2022.

Aset tak ketara diperolehi secara tunai.

15. Lain-lain penghutang

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Semasa				
Amaun daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu	9,864	279	-	-
Pinjaman kakitangan	3,422	3,849	-	-
Faedah belum terima	2,588	2,715	1,998	2,167
Prabayaran	19,862	17,973	-	-
Pelbagai penghutang	25,006	3,673	4	10
Amaun berbayar daripada subsidiari	-	-	8,203	7,806
	60,742	28,489	10,205	9,983
Tak semasa				
Amaun berbayar daripada subsidiari	-	-	73,387	81,590

Dalam tahun semasa, amaun daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu merupakan sewa pajak yang terlebih bayar untuk fasiliti-fasiliti pajakan asal. Jumlah hutang adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan dibayar balik apabila dituntut.

Termasuk dalam prabayaran adalah pembayaran sewa pajak suku pertama 2011 berjumlah RM15,580,879 (2009: RM14,164,435) kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Pelbagai penghutang tidak dikenakan faedah. Ia diiktiraf pada jumlah yang merupakan nilai saksama pada permulaan pengiktirafan. Termasuk dalam pelbagai penghutang adalah amaun daripada pembekal kren sebanyak RM20,503,344 (2009: RM Tiada) sebagai pampasan untuk kren yang telah rosak.

16. Tunai dan setara tunai

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Instrumen pasaran kewangan diperolehi di bawah perjanjian pembelian semula	-	29,200	-	-
Deposit dengan:				
- Bank-bank berlesen	45,687	49,023	2,718	25,018
- Institusi lain	207,080	225,501	116,906	111,501
	252,767	303,724	119,624	136,519
Tunai dan baki di bank	20,946	9,991	76	65
Tunai dan setara tunai	273,713	313,715	119,700	136,584

Deposit dengan institusi lain merupakan perletakan simpanan dalam Institusi Akaun Amanah ("Institutional Trust Account') yang diwujudkan dengan syarikat pemegang amanah bagi tempoh 5 tahun (2009: 5 tahun) dengan kadar faedah 5% setahun (2009: 5% setahun). Deposit ini boleh ditebus sekiranya dan apabila diperlukan.

Kadar faedah setahun deposit dengan bank-bank berlesen pada 31 Disember 2010 adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 %	2009 %	2010 %	2009 %
Bank-bank berlesen	2.00 - 3.35	1.30 - 3.47	2.20 - 3.16	2.20 - 3.20
Instrumen pasaran kewangan diperolehi di bawah diperolehi di bawah semula	-	1.40	-	-

Deposit dengan bank-bank berlesen untuk Kumpulan dan Syarikat mempunyai tempoh kematangan pada purata antara 30 dan 365 hari (2009: antara 6 dan 365 hari) dan antara 30 dan 365 hari (2009: antara 92 dan 365 hari) masing-masingnya.

17. Cukai tertunda

Komponen dan pergerakan liabiliti dan aset cukai tertunda sepanjang tahun kewangan sebelum offset adalah seperti berikut:

Kumpulan

	Pada 1.1.2010 RM'000	Diiktiraf di penyata pendapatan RM'000	Pada 31.12.2010 RM'000
Liabiliti cukai tertunda			
Hartanah, loji dan peralatan	30,866	7,907	38,773
Aset cukai tertunda			
Kerugian cukai belum digunapakai	-	(33)	(33)
Elaun modal belum diserap	(2,820)	85	(2,735)
Elaun cukai pelaburan belum digunapakai	-	(981)	(981)
Manfaat Persaraan	(9,568)	(214)	(9,782)
Lain-lain	(1,744)	(13)	(1,757)
	(14,132)	(1,156)	(15,288)
Jumlah	**16,734**	**6,751**	**23,485**

Kumpulan

	Pada 1.1.2009 RM'000	Diiktiraf di penyata pendapatan RM'000	Pada 31.12.2009 RM'000
Liabiliti cukai tertunda			
Hartanah, loji dan peralatan	30,176	690	30,866
Aset cukai tertunda			
Kerugian cukai belum digunapakai	(33)	33	-
Elaun modal belum diserap	(3,619)	799	(2,820)
Manfaat Persaraan	(9,000)	(568)	(9,568)
Lain-lain	(1,800)	56	(1,744)
	(14,452)	320	(14,132)
Jumlah	**15,724**	**1,010**	**16,734**

17. Cukai tertunda (samb.)

Aset dan liabiliti cukai tertunda dioffset apabila terdapat hak undang-undang yang boleh dilaksanakan untuk offset aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda adalah berkaitan dengan lembaga cukai yang sama. Jumlah yang ditentukan selepas offset berpatutan adalah seperti berikut:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Aset cukai tertunda (sebelum offset)	(15,288)	(14,132)
Offset	14,512	13,356
Aset cukai tertunda (selepas offset)	(776)	(776)
Liabiliti cukai tertunda (sebelum offset)	38,773	30,866
Offset	(14,512)	(13,356)
Liabiliti cukai tertunda (selepas offset)	24,261	17,510

Aset cukai tertunda belum diiktiraf berhubung perkara berikut:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Kerugian cukai belum digunapakai	-	131
Elaun modal belum diserap	-	431
Elaun cukai pelaburan belum digunapakai	95,549	99,475
	95,549	100,037

18. Hartanah dipegang untuk dijual

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Hartanah dipegang untuk dijual, pada kos	26,089	22,453
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(6,700)	(6,700)
	19,389	15,753

Hartanah dimiliki untuk dijual adalah berkaitan dengan rumah-rumah yang dibeli oleh subsidiarinya, Bintulu Port Sdn. Bhd., berhubung dengan projek perumahan kakitangan di Bintulu. Projek diabaikan pada tahun 2000. Untuk itu, subsidiari telah mengeluarkan notis penamatan kerja kepada pemaju pada 30 Jun 2003, dan telah mengambilalih tapak projek.

Dalam bulan November 2003, pemaju sebelum ini telah mengemukakan tuntutan sebanyak RM13,881,027 kepada Syarikat subsidiari. Tuntutan asal sebanyak RM13,881,027 telah diubah oleh pemaju kepada RM14,112,905 pada 23 Jun 2004. Buat masa kini, kedua-dua pihak telah bersetuju secara prinsip untuk menyelesaikan perkara ini dengan memeterai 'deed of settlement' seperti dinyatakan dalam Nota 30.

Syarikat Perumahan Negara Berhad telah dilantik sebagai pemaju yang baru dalam tahun 2003 dan kerja pembinaan bagi projek ini telah siap dalam tahun 2005.

Suratan hak milik ke atas harta berkenaan masih belum dipindahmilik kepada Syarikat subsidiari daripada pemaju sebelum ini.

19. Penghutang perdagangan

Termasuk dalam penghutang perdagangan adalah amaun belum terima daripada Malaysia LNG Sdn. Bhd., ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., MISC Agencies (Sarawak) Sdn. Bhd. dan PS Terminal Sdn. Bhd. yang berjumlah RM11,608,509 (2009: RM21,241,094), RM Tiada (2009: RM69,828), RM563,312 (2009: RM636,237) dan RM90,667 (2009: RM162,038) masing- masingnya. Kesemua syarikat berkenaan merupakan subsidiari kepada pemegang saham utama, Petroliam Nasional Berhad.

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit ketara yang lain yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada mana-mana pelanggan individu atau kepada sekumpulan pelanggan.

Penghutang perdagangan tidak dikenakan faedah dan mempunyai terma kredit antara 15 dan 45 hari (2009: antara 15 dan 45 hari). Terma-terma kredit lain diteliti dan dilulus berdasarkan kes-kes tertentu. Ianya diiktiraf pada jumlah invois yang asal yang merupakan nilai saksama pada pengiktirafan permulaannya.

Analisa pengusiaan penghutang perdagangan

Analisa pengusiaan penghutang perdagangan Kumpulan adalah:

Penghutang perdagangan - LNG:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai	11,687	17,366
1 hingga 15 hari melepasi tempoh tidak dirosotnilai	-	2,984
Melebihi 15 hari melepasi tempoh tidak dirosotnilai	571	501
	571	3,485
	12,258	20,851

Penghutang perdagangan - Bukan LNG:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai	7,065	6,798
1 hingga 45 hari melepasi tempoh tidak dirosotnilai	183	526
Melebihi 45 hari melepasi tempoh tidak dirosotnilai	2,929	9,416
	3,112	9,942
	10,177	16,740

Penghutang perdagangan - perkhidmatan bulking:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai	1,579	1,380
1 hingga 30 hari melepasi tempoh tidak dirosotnilai	441	541
31 hingga 60 hari melepasi tempoh tidak dirosotnilai	172	-
Melebihi 60 hari melepasi tempoh tidak dirosotnilai	-	10
	613	551
	2,192	1,931
	24,627	39,522

19. Penghutang perdagangan (samb.)

Penghutang yang belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai

Penghutang perdagangan yang belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai adalah berkaitan dengan pelanggan-pelanggan yang membayar dalam tempoh yang ditetapkan.

Tidak terdapat mana-mana penghutang perdagangan Kumpulan yang belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai telah dirunding semula dalam tahun kewangan.

Penghutang perdagangan yang telah melepasi tempoh tetapi tidak dirosotnilai

Pada 31 Disember 2010, Kumpulan mempunyai penghutang perdagangan sebanyak RM4,295,954 yang telah melepasi tempoh pada tarikh laporan tetapi tidak dirosotnilai. Penghutang perdagangan bagi LNG and Bukan LNG dijamin oleh jaminan bank atau kemudahan kredit dalam bentuk yang lain. Penghutang perdagangan daripada perkhidmatan bulking adalah tidak bercagar.

Penghutang perdagangan yang telah melepasi tempoh tetapi tidak dirosotnilai adalah berkaitan dengan pelanggan-pelanggan yang mempunyai rekod yang baik. Berdasarkan pengalaman yang lepas dan juga tiada maklumat yang negatif sehingga kini, para pengarah Kumpulan berpendapat bahawa tiada peruntukan bagi rosotnilai diperlukan berhubung dengan baki-baki tersebut kerana tidak terdapat perubahan yang signifikan dalam kualiti kreditnya dan baki-baki tersebut dianggap boleh diperolehi sepenuhnya.

20. Modal saham

	Kumpulan dan Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Dibenarkan		
1,000,000,000 saham biasa RM1 sesaham	1,000,000	1,000,000
Satu saham keutamaan boleh tebus berhak istimewa bernilai RM1 sesaham ("Saham Istimewa")	*	*
	1,000,000	1,000,000

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Diterbitkan dan dibayar sepenuhnya				
Saham biasa RM1 sesaham:				
Pada permulaan dan akhir tahun kewangan	400,000	400,000	400,000	400,000
Satu hak istimewa saham keutamaan boleh tebus bernilai RM1:				
Pada permulaan dan akhir tahun kewangan	*	*	*	*
	400,000	400,000	400,000	400,000

* Saham Istimewa berjumlah RM1.

20. Modal saham (samb.)

Saham Istimewa

Saham Istimewa, yang hanya boleh dimiliki oleh atau dipindah milik kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) atau pengganti beliau atau mana-mana wakil Menteri, atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Kerajaan Malaysia, mempunyai hak istimewa seperti terkandung dalam Artikle 15A dan 109A Tataurusan Syarikat.

Hak istimewa ini termasuk:

(i) hak untuk melantik tidak melebihi empat orang Pengarah Syarikat pada bila-bila masa;

(ii) hak untuk dibayar balik modal dibayar atas Saham Istimewa terdahulu daripada ahli-ahli sekiranya berlaku pembubaran Syarikat; dan

(iii) hak untuk meminta Syarikat menebus Saham Istimewa tersebut atas harga par pada bila-bila masa.

Beberapa perkara khususnya, di dalam pindaan mana-mana Artikel Tataurusan Syarikat (termasuk Artikel yang berkaitan dengan had pemegangan saham), sebarang pelupusan aset yang ketara, penyatuan, penggabungan dan pengambilalihan, hendaklah mendapat kelulusan daripada pemegang Saham Istimewa terlebih dahulu.

Pemegang Saham Istimewa ini tidak mendapat sebarang hak untuk mengundi semasa Mesyuarat Agung tetapi berhak untuk hadir dan bersuara dalam mesyuarat tersebut.

21. Pendapatan terkumpul

Sebelum tahun taksiran 2008, Syarikat-syarikat di Malaysia mengguna pakai sistem imputasi penuh. Menurut Akta Kewangan 2007 yang diwartakan pada 28 Disember 2007, syarikat-syarikat tidak perlu memotong cukai ke atas dividen yang dibayar, dikredit atau diagih kepada pemegang sahamnya, dan dividen ini akan dikecualikan cukai daripada pemegang saham ("sistem setingkat"). Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat diberi tempoh peralihan selama enam tahun, yang mana tamat pada 31 Disember 2013, untuk membenarkan pembayaran dividen kepada pemegang saham di dalam keadaan tertentu. Syarikat-syarikat juga mempunyai pilihan, yang tidak boleh ditarik balik, untuk mengabaikan baki Seksyen 108 dan memilih untuk membayar dividen di bawah sistem setingkat. Perubahan dalam perundangan cukai juga membenarkan baki Seksyen 108 berada dalam keadaan tertutup pada 31 Disember 2007 menurut Seksyen 39 Akta Kewangan 2007.

Syarikat ini telah memilih untuk mengabaikan baki Seksyen 108 pada 31 Disember 2010. Oleh itu, Syarikat boleh mengagihkan dividen daripada keseluruhan pendapatan terkumpulnya di bawah sistem bayaran dividen setingkat.

22. Manfaat persaraan

Kumpulan telah menubuhkan satu pelan Skim Manfaat Persaraan tidak berdana untuk kakitangannya. Tanggungan Kumpulan di bawah Skim ini ditentukan berdasar penilaian aktuari setiap tiga tahun dengan mengguna Kaedah Jangkaan Kredit Unit.

Kali terakhir Skim Manfaat Persaraan dinilai semula dalam 2010. Pergerakan sepanjang tahun kewangan dan amaun yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan berkaitan Skim Manfaat Persaraan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada permulaan tahun kewangan	38,271	34,736
Dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif	4,593	5,122
Sumbangan dibayar	(3,736)	(1,587)
Pada akhir tahun kewangan	39,128	38,271

22. Manfaat persaraan (samb.)

Amaun yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan boleh dianalisa seperti berikut:

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Nilai semasa tanggungan tidak berdana	39,659	41,949
Kerugian aktuari tidak diiktiraf	(531)	(3,678)
Liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan	39,128	38,271

Perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif Kumpulan boleh dianalisa seperti berikut:

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Kos perkhidmatan semasa	2,662	2,726
Kos faedah	2,532	2,396
Pengurangan keuntungan diiktirafkan	(557)	-
Keuntungan penyelesaian diiktirafkan	(44)	-
Jumlah, termasuk dalam Kos Staf (Nota 6)	4,593	5,122

Andaian utama yang digunakan oleh aktuari berkaitan skim manfaat persaraan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2010 %	2009 %
Kadar diskaun	6.00	6.50
Kadar kenaikan gaji dijangka	6.00	6.00

23. Lain-lain pemiutang

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Berbayar kepada subsidiari	-	-	1,830	926
Berbayar kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu	45,235	49,183	-	-
Akruan	26,017	21,064	122	297
Denda kelewatan	1,753	-	-	-
Pelbagai pemiutang	26,332	28,858	242	132
Wang tahanan	7,355	10,354	-	-
	106,692	109,459	2,194	1,355

Termasuk dalam akruan dan pelbagai pemiutang Kumpulan adalah amaun berbayar kepada Petronas Dagangan Berhad, syarikat subsidiari pemegang saham utama, Petroliam Nasional Berhad sebanyak RM791,843 (2009: RM1,567,720).

Amaun berbayar kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan dibayar balik apabila dituntut.

24. Komitmen modal

Perbelanjaan modal tidak diperuntukkan dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Kumpulan		
Dilulus dan dikontrakkan	13,714	228,011
Dilulus tetapi belum dikontrakkan	79,988	13,000
	93,702	241,011

25. Komitmen sewa pajak

	2010 RM'000	2009 RM'000
Kumpulan		
Komitmen sewa pajak:		
- dalam tempoh satu tahun	111,937	105,009
- antara satu hingga lima tahun	590,975	574,250
- lebih daripada lima tahun	816,871	930,082
	1,519,783	1,609,341

Komitmen sewa pajak adalah berkaitan dengan sewa pajak untuk tanah, bangunan-bangunan dan struktur-struktur pelabuhan tertentu berbayar kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu. Komitmen sewa pajak termasuk amaun sebanyak RM652,052,404 (2009: RM684,952,430) yang mana perjanjian dengan Lembaga Pelabuhan Bintulu belum lagi dimuktamadkan. Sewa pajak akan luput pada 31 Disember 2022.

26. Urusniaga penting dengan pihak berkaitan

Tambahan kepada maklumat pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain di dalam penyata kewangan ini, transaksi-transaksi penting antara Kumpulan dan pihak berkaitan berikut dijalankan mengikut terma-terma yang dipersetujui pada tahun kewangan ini.

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Transaksi dengan subsidiari-subsidiari pemegang saham utama, Petroliam Nasional Berhad:		
Pemberian perkhidmatan:		
Malaysia LNG Sdn. Bhd.	279,070	278,304
ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd.	619	851
MISC Agencies (Sarawak) Sdn. Bhd.	3,718	4,633
PS Terminal Sdn. Bhd.	1,475	1,205
Perolehan bahan api dan minyak pelincir:		
Petronas Dagangan Berhad	(12,002)	(15,106)

Maklumat tentang baki-baki penghutang timbul daripada transaksi pihak berkaitan pada 31 Disember 2010 dinyatakan dalam Nota-nota 19 dan 23.

27. Instrumen-instrumen kewangan

Dasar dan objektif pengurusan risiko kewangan

Kumpulan ini terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada operasinya dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan utama termasuk risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan. Para pengarah meneliti dan bersetuju dasar-dasar dan prosedur-prosedur bagi pengurusan risiko-risiko tersebut, yang mana dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Jawatankuasa audit memberi pandangan bebas berkaitan efektifnya proses pengurusan risiko.

27. Instrumen-instrumen kewangan (samb.)

Dasar dan objektif pengurusan risiko kewangan (samb.)

Seksyen-seksyen berikut memberi butiran tentang pendedahan Kumpulan kepada risiko-risiko kewangan yang disebut di atas dan objektif, dasar dan proses pengurusan risiko-risiko tersebut.

(a) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah aliran tunai adalah risiko aliran tunai masa depan sesuatu instrumen kewangan akan berubah-ubah disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran. Risiko kadar faedah nilai saksama adalah risiko nilai sesuatu instrumen kewangan akan berubah-ubah disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran. Oleh kerana Kumpulan tidak mempunyai aset kewangan pembawa faedah yang signifikan, pendapatan dan aliran tunai operasi Kumpulan adalah bebas dengan ketaranya daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Aset kewangan pembawa faedah Kumpulan diletak dalam simpanan tetap dengan Institusi Akaun Amanah dan bank-bank berlesen.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak bertentangan memungkiri kewajipannya. Pendedahan Kumpulan kepada risiko kewangan timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Bagi tunai dan setara tunai, Kumpulan mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan instituti kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Kumpulan adalah untuk mencari pertumbuhan pendapatan yang berterusan sementara mengurangkan kerugian yang timbul akibat peningkatan dalam pendedahan kepada risiko kredit. Kumpulan hanya berurusniaga dengan pihak ketiga yang diiktiraf dan mempunyai kelayakan kredit yang baik. Risiko kredit dikawal dan dikurangkan melalui permohonan kelulusan kredit, had kredit dan prosedur pemantauan. Penghutangan perdagangan dipantau secara berterusan mengikut prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Baki hutang-hutang pelanggan sentiasa dipantau dan amnya dilindungi oleh jaminan bank.

Profil penumpuan risiko kredit

Selain amaun tertunggak daripada syarikat-syarikat subsidiari Petroliam Nasional Berhad seperti dinyatakan dalam Nota 19, Kumpulan tidak mempunyai sebarang penumpuan risiko kredit yang ketara. Risiko kredit diminimumkan dan dikawal melalui permohonan kelulusan kredit, had kredit dan prosidur pemantauan yang berkaitan.

Aset kewangan yang belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai

Maklumat berkaitan penghutang perdagangan yang belum melepasi tempoh dan tidak dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 19. Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang yang belum melepasi tempoh kredit dan tidak dirosotnilai adalah penghutang-penghutang yang mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan Kumpulan. Deposit dengan bank dan institusi yang lain yang belum melepasi tempoh kematangan dan tidak dirosotnilai diletak dalam atau dimasuki dalam institusi kewangan yang bereputasi serta mempunyai penarafan kredit yang tinggi dan tidak mempunyai sejarah memungkiri.

Aset kewangan yang melepasi tempoh tetapi tidak dirosotnilai

Maklumat berkaitan aset kewangan yang telah melepasi tempoh dinyatakan dalam Nota 19.

(c) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko dimana Kumpulan akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi kewangan akibat daripada kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada perbezaan kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Kumpulan mengurus aliran tunai beroperasi dan dana yang ada untuk memastikan kesemua pembiayaan semula, bayaran balik dan keperluan dananya dipenuhi. Kumpulan mengekalkan tahap wang tunai dan deposit jangka pendek yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja.

Liabiliti kewangan Kumpulan merangkumi lain-lain pemiutang yang berbayar dalam tempoh satu tahun atau berbayar apabila dituntut.

27. Instrumen-instrumen kewangan (samb.)

Dasar dan objektif pengurusan risiko kewangan (samb.)

(d) Nilai saksama

Nilai saksama sesuatu instrumen kewangan adalah amaun dimana instrumen tersebut boleh ditukar dengan atau diselesaikan antara pihak-pihak berpengetahuan mengikut transaksi urusan perniagaan biasa, selain penjualan paksaan atau pemansuhan.

Instrumen-instrumen kewangan Kumpulan terdiri daripada tunai dan setara tunai, penghutang perdagangan, lain-lain penghutang dan lain-lain pemiutang.

Instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dibawa pada kos yang dilunaskan, yang mana tidak berbeza secara material daripada nilai saksama.

28. Pengurusan modal

Objektif utama pengurusan modal Kumpulan adalah untuk memastikan ianya mengekalkan penarafan kredit yang kukuh dan nisbah modal yang baik untuk memberi sokongan kepada perniagaannya dan memaksimakan nilai pemegang saham.

Kumpulan mengurus struktur modal dan membuat pelarasan ke atasnya mengikut perubahan dalam keadaan ekonomi. Untuk mengekal atau membuat pelarasan struktur modal, Kumpulan mungkin membuat pelarasan pembayaran dividen kepada pemegang-pemegang saham. Pendekatan Kumpulan dalam pengurusan modal adalah berdasar pada garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kumpulan tidak tertakluk kepada sebarang keperluan modal yang dikenakan secara luaran. Tidak terdapat sebarang perubahan dalam pendekatan Kumpulan atas pengurusan modal pada tahun ini.

29. Laporan bersegmen

Laporan Kumpulan disusun dan dirurus kepada dua segmen perniagaan utama. Segmen- segmen ini disusun dan diurus mengikut jenis perkhidmatan yang disediakan, yang memerlu strategi perniagaan dan pemasaran yang berbeza. Segmen-segmen yang dilapor diringkas seperti berikut:

(i) Perkhidmatan pelabuhan - memberi perkhidmatan pelabuhan yang termasuk kendalian kargo bagi gas asli cecair, produk petroleum, gas petroleum cecair, kargo am, kontena, kargo pukal kering dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan; dan

(ii) Perkhidmatan bulking - Menjalan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

Ketua pembuat keputusan operasi untuk Kumpulan mengganggap aktiviti syarikat pemegangan pelaburan sebagai tidak termasuk dalam laporan segmen beroperasi. Untuk tujuan pelaporan bersegmen, kos-kos yang tidak diagihkan adalah berkaitan dengan perbelanjaan pentadbiran syarikat induk. Aset dan liabiliti tidak diagihkan adalah berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan, lain-lain penghutang, tunai dan setara tunai dan lain-lain pemiutang syarikat induk, hartanah dipegang untuk jualan syarikat subsidiari dan faedah terimaan dan liabiliti cukai Kumpulan. Tidak terdapat segmen pelaporan yang lain telah diaggregat kepada dan daripada laporan segmen beroperasi di atas.

Ketua pembuat keputusan syarikat-syarikat subsidiari memantau keputusan-keputusan operasi perniagaan segmen secara berasingan. Prestasi segmen dinilai berdasarkan keuntungan atau kerugian operasi dimana, dalam hal-hal tertentu, diukur secara berbeza dari keuntungan atau kerugian beroperasi dalam penyata kewangan.

Laporan segmen mengikut lokasi geografi tidak disediakan kerana operasi Kumpulan tertumpu di Malaysia.

29. Laporan bersegmen (samb.)

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Memberi Perkhidmatan Pelabuhan RM'000	Memberi Kemudahan Bulking RM'000	Kumpulan RM'000
Pendapatan			
Jumlah pendapatan - luaran	434,044	20,910	454,954
Keputusan			
Keputusan segmen	174,430	8,210	182,640
Pendapatan daripada faedah dan pelaburan			18,577
Kos tidak diagihkan			(3,420)
Keuntungan daripada operasi dan sebelum cukai			197,797
Cukai			(47,471)
Keuntungan bagi tahun			150,326
Pada 31 Disember 2010			
Aset segmen	751,772	128,160	879,932
Aset tidak diagihkan			141,622
Jumlah aset			1,021,554
Liabiliti segmen	139,941	5,516	145,457
Liabiliti tidak diagihkan			30,984
Jumlah liabiliti			176,441

	Memberi Perkhidmatan Pelabuhan RM'000	Memberi Kemudahan Bulking RM'000	Tidak Diagihkan RM'000	Kumpulan RM'000
Lain-lain maklumat				
Perbelanjaan modal	68,240	15,631	-	83,871
Susutnilai	25,244	5,147	22	30,413
Pelunasan aset tak ketara	1,694	-	-	1,694

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009

	Memberi Perkhidmatan Pelabuhan RM'000	Memberi Kemudahan Bulking RM'000	Kumpulan RM'000
Pendapatan			
Jumlah pendapatan - luaran	421,862	17,185	439,047
Keputusan			
Keputusan segmen	155,010	3,549	158,559
Pendapatan daripada faedah dan pelaburan			17,878
Kos tidak diagihkan			(2,919)
Keuntungan daripada operasi dan sebelum cukai			173,518
Cukai			(44,762)
Keuntungan bagi tahun			128,756

29. Laporan bersegmen (samb.)

Pada 31 Disember 2009	Memberi Perkhidmatan Pelabuhan RM'000	Memberi Kemudahan Bulking RM'000	Kumpulan RM'000
Aset segmen	729,570	130,254	859,824
Aset tidak diagihkan			154,339
Jumlah aset			1,014,163
Liabiliti segmen	143,089	4,212	147,301
Liabiliti tidak diagihkan			22,075
Jumlah liabiliti			169,376

	Memberi Perkhidmatan Pelabuhan RM'000	Memberi Kemudahan Bulking RM'000	Tidak Diagihkan RM'000	Kumpulan RM'000
Lain-lain maklumat				
Perbelanjaan modal	102,346	13,720	177	116,243
Susutnilai	24,556	5,018	12	29,586
Pelunasan aset tak ketara	1,687	-	-	1,687

30. Liabiliti luarjangka (tak bercagar)

	Kumpulan 2010 RM'000	Kumpulan 2009 RM'000
Tuntutan daripada pemaju sebelum ini berkaitan projek perumahan kakitangan syarikat subsidiari	2,158	14,113

Tuntutan ini timbul ekoran keputusan syarikat subsidiari menamatkan perkhidmatan pemaju sebelum ini yang telah mengabaikan projek perumahan kakitangan dalam tahun 2000. Syarikat subsidiari telah membuat tuntutan terhadap pemaju tersebut menuntut arahan perlaksanaan spesifik ('specific performance') bagi pindahmilik suratan hak milik tanah dan kos tambahan untuk menyiapkan projek perumahan tersebut.

Dalam tahun 2010, pemaju sebelum ini dan syarikat subsidiari bersetuju secara prinsip menyelesaikan isu projek perumahan kakitangan secara penyelesaian luar mahkamah dan memeterai 'deed of settlement'.

Berdasarkan terma penyelesaian yang dicadangkan, antara syarat-syaratnya adalah pemaju sebelum ini hendaklah menyerahkan kepada peguam yang dilantik oleh syarikat subsidiari kesemua suratan asal hak milik tanah berkaitan projek perumahan yang bebas daripada semua halangan ('encumbrances') dan menarik balik kesemua Surat Kuasa yang diturunkan kepada pemaju sebelum ini yang didaftarkan di Pejabat Pendaftar Tanah Bintulu. Pemaju sebelum ini juga hendaklah menarik balik kesemua tuntutan dan tuntutan balas sebanyak RM14.1 juta terhadap syarikat subsidiari, menyelesaikan kesemua tuntutan oleh pihak ketiga (sekiranya ada) dan juga melepaskan prosiding garnishee ('garnishee proceedings') yang dimulakan oleh pihak ketiga terhadap subsidiari berkaitan tanah tersebut.

30. Liabiliti luarjangka (tak bercagar) (samb.)

Pada 31 Disember 2010, cadangan penyelesaian sebanyak RM7.5 juta telah diambil kira dalam penyata kewangan syarikat subsidiari yang termasuk perkara berikut:

(i) Cadangan bayaran sekali gus kepada pemaju sebelum ini;
(ii) Denda kelewatan;
(iii) Permohonan untuk penggabungan dan pembahagian tanah sehingga suratan hak milik tanah ke atas sub-lot individu dikeluarkan; dan
(iv) Yuran guaman

Kos tambahan berpotensi sebanyak RM2.2 juta akan dikenakan. Walau bagaimanapun, oleh kerana kebarangkalian amaun ini dikenakan adalah tidak pasti, ianya belum diperuntukkan dalam penyata kewangan.

31. Angka-angka perbandingan

Angka-angka perbandingan berikut pada 31 Disember 2010 telah dikelas semula mengikut pembentangan tahun semasa:

	Dinyatakan sebelum ini RM'000	Pelarasan RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Kumpulan			
Penyata pendapatan komprehensif:			
Lain-lain perbelanjaan	(17,319)	(322)	(17,641)
Lain-lain pendapatan	17,556	322	17,878

32. Maklumat tambahan - pecahan pendapatan terkumpul kepada direalisasikan dan tidak direalisasikan

Pecahan pendapatan terkumpul Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 kepada direalisasikan dan tidak direalisasikan dibentangkan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad bertarikh 25 Mac 2010 dan disediakan menurut Panduan tentang Perkara Khusus No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasikan dan Tidak Direalisasikan dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Jumlah pendapatan terkumpul Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya		
- Direalisasikan	375,648	48,147
- Tidak direalisasikan	(23,485)	-
Pendapatan terkumpul seperti pada penyata kewangan	352,163	48,147

PROXY FORM

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD
Company No.: 380802 – T
(Incorporated in Malaysia)

I/We ____

of ____

being a member / members of BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD, do hereby appoint ______________________

____

of ____

or failing him, **THE CHAIRMAN OF THE MEETING** as my/our proxy, to vote for me/us and my/our behalf, the **Fifteenth (15th) Annual General Meeting** of the Company to be held at **Colosseum 2, Level 2, Pullman Hotel, No.1A, Jalan Mathies, 93100 Kuching, on Thursday, 28th day of April 2011 at 11.00 am** or any adjournment thereof. My/our proxy is to vote as indicated below:

No.	Resolution	For	Against
1.	To receive and adopt the Directors' Report and Audited Accounts for the year ended 31st December 2010 and the Auditors' Report thereon;		
2.	To approve the payment of a final single tier dividend of **7.50 sen** per share and special single tier dividend of **7.50 sen** per share in respect of the year ended 31st December 2010;		
3.	To approve the Directors' Fees of **RM828,354.85** for the year ended 31st December 2010;		
4.	To re-elect **Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim** who retires under Article 127 of the Company's Articles of Association;		
5.	To re-elect **Datuk Hashim bin Ismail** who retires under Article 127 of the Company's Articles of Association;		
6.	To re-elect **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria** who retires under Article 127 of the Company's Articles of Association;		
7.	To re-elect **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa** who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association;		
8.	To re-elect **Datuk Nasarudin bin Md. Idris** who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association;		
9.	To re-elect **Encik Mohammad Medan bin Abdullah** who retires under Article 132 of the Company's Articles of Association;		
10.	To re-appoint **Messrs. Ernst & Young** as Auditors of the Company and to authorize the Directors to fix their remuneration;		
11.	To transact any other business for which due notice shall have been given in accordance with the Companies Act 1965.		

Please indicate with "X" on the spaces provided how you wish your votes to be casted. In the absent of specific directions, your proxy will vote or abstain from voting at his discretion.

Dated this …….. day of ……………………………….. 2011.

No. of Shares Held	

____
Signatures of Member(s)/Common Seal

Notes:

PROXY

i. A member of the Company entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.

ii. The instrument appointing a proxy in the case of an individual shall be signed by the appointor or his attorney duly authorised in writing and in the case of a corporation, the instrument appointing a proxy must be under seal or under the hand of an officer or attorney duly authorised.

iii. The instrument appointing a proxy must be deposited at the Registered Office of the Company at Headquarters Building, Bintulu Port Holdings Berhad, Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Tanjung Kidurong Road, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia, not less than 48 hours before the time appointed for holding the Meeting and or any adjournment thereof.

The Company Secretary

Bintulu Port Holdings Berhad
Lot 15, Block 20, Kemena Land District
12th Mile, Tanjung Kidurong Road
P. O. Box 996, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia

BORANG PROKSI

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD
No. Syarikat: 380802 – T
(Diperbadankan di Malaysia)

Saya/Kami ____

beralamat ____

sebagai ahli / ahli-ahli BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD, dengan ini melantik ______________________________

____

beralamat ____

atau sekiranya beliau tidak hadir, **PENGERUSI MESYUARAT** sebagai proksi saya / kami untuk mengundi bagi pihak saya / kami pada **Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Belas (15)** akan diadakan di **Colosseum 2, Level 2, Pullman Hotel, No.1A, Jalan Mathies, 93100 Kuching, pada hari Khamis, 28 April 2011 jam 11.00 pagi** atau pada tarikh-tarikh lain yang ditetapkan sekiranya berlaku penangguhan. Proksi saya / kami haruslah mengundi seperti berikut:

Bil.	Resolusi	Setuju	Tidak Setuju
1.	Menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Akaun yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan Laporan Juruaudit yang dilampirkan;		
2.	Meluluskan pembayaran dividen akhir sistem setingkat sebanyak **7.50 sen** sesaham dan dividen khas sistem setingkat sebanyak **7.50 sen** sesaham bagi tahun berakhir 31 Disember 2010;		
3.	Meluluskan bayaran Yuran Pengarah-Pengarah sebanyak **RM828,354.85** bagi tahun berakhir 31 Disember 2010;		
4.	Melantik semula **Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim** yang bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat;		
5.	Melantik semula **Datuk Hashim bin Ismail** yang bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat;		
6.	Melantik semula **Dato' Mohamad Norza bin Zakaria** yang bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat;		
7.	Melantik semula **Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa** yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat;		
8.	Melantik semula **Datuk Nasarudin bin Md. Idris** yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat;		
9.	Melantik semula **Encik Mohammad Medan bin Abdullah** yang bersara menurut Artikel 132 Tataurusan Syarikat;		
10.	Melantik semula **Tetuan Ernst & Young** sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah-Pengarah menetapkan ganjarannya;		
11.	Menjalankan sebarang urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberitahu selaras dengan Akta Syarikat 1965.		

Sila tandakan dengan "X" di ruang yang tersedia tentang bagaimana anda menghendaki proksi anda mengundi. Jika tidak, proksi anda berhak mengundi atau tidak mengikut budi bicaranya sendiri.

Bertarikh hari …….. bulan ……………………………….. 2011.

Jumlah saham yang dipegang	

____
Tandatangan Ahli / Ahli-Ahli / Meteri Syarikat

Nota-Nota:

PROKSI

i. Seorang ahli yang berhak hadir dan mengundi adalah berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi tidak semestinya ahli syarikat tersebut.

ii. Surat perlantikan proksi dari seseorang individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakilnya yang telah dilantik dengan secara bertulis, dan surat perlantikan proksi dari sesebuah perbadanan mestilah disempurnakan di bawah meteri syarikat atau ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa berbuat demikian.

iii. Borang proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar ke Pejabat Berdaftar Syarikat, Ibu Pejabat, Bintulu Port Holdings Berhad, Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia, tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu mesyuarat yang ditetapkan dan atau waktu penangguhannya.

Setiausaha Syarikat

Bintulu Port Holdings Berhad
Lot 15, Block 20, Kemena Land District
12th Mile, Tanjung Kidurong Road
P. O. Box 996, 97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD
(Company No. 380802-T)

Lot 15, Block 20, Kemena Land District
12th Mile, Tanjung Kidurong Road
P.O. Box 996, 97008 Bintulu
Sarawak, Malaysia

Telephone : **+60 86-291001 (30 Lines)**
Facsimile : **+60 86-254062 / 253597 / 251578**
Website : **http://www.bintuluport.com.my**